

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 24

Khamis

3 Oktober 2013

K A N D U N G A N

USUL-USUL:

- Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga
Rang Undang-undang di Bawah P.M 62 (Halaman 1)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 30)
- Akta Kastam 1967 (Halaman 35)
- Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3) (Halaman 51)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Peningkatan Taraf Penyelenggaraan
Kemudahan Awam di Bandar Muar
- *YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)* (Halaman 51)
- Pendekatan Menangani Masalah Perumahan
- *YB. Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin (Bukit Katil)* (Halaman 55)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 3 Oktober 2013**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: *Bismillahir
Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 D.R. 9/2013 Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013, D.R. 11/2013 Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013, D.R. 14/2013 Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2013, D.R.10/2013 Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2013, D.R. 12/2013 Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2013, D.R. 13/2013 Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013, D.R. 15/2013 Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2013, D.R. 16/2013 Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 2013, D.R. 17/2013 Rang Undang-undang Loteri (Pindaan) 2013, D.R. 18/2013 Rang Undang-undang Pertaruhan Pool (Pindaan) 2013, D.R. 19/2013 Rang Undang-undang Fi (Jabatan Muzium Malaysia) (Pengesahan) 2013 dan D.R. 20/2013 Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013 seperti yang tertera di No. 1 hingga No. 12 dalam *Aturan Urusan*

Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, usaha kerajaan dalam membantu belia-belua luar bandar untuk turut sama terlibat dan berpeluang meneroka industri sukan negara memandangkan kebanyakan belia luar bandar tidak diketengahkan untuk menunjukkan bakat mereka dalam bidang sukan seperti mana yang pernah dilakukan dalam program *MyTeam* disebabkan kedudukan geografi dan infrastruktur yang masih berada dalam keadaan yang serba kekurangan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang melaksanakan program pencarian bakat di peringkat akar umbi melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di kalangan kanak-kanak sejak berusia tujuh hingga 12 tahun.

Program ini dilaksanakan di pelbagai peringkat sama ada di kawasan pedalaman termasuk di Sabah dan Sarawak serta kawasan bandar yang mempunyai Pusat Latihan Pembangunan Bakat di seluruh negara. Di negeri Sabah terdapat sebanyak 25 pusat latihan manakala Sarawak sebanyak 22 pusat latihan yang telah dipilih sebagai Pusat Pembangunan Bakat di peringkat akar umbi.

Pelaksanaan pencarian bakat dibuat melalui beberapa fasa iaitu melalui Program Tunas Gemilang, dalam proses pencarian bakat sukan di kalangan kanak-kanak telah berlaku. Ujian iaitu ujian fizikal dan ujian komponen kecergasan contoh kelajuan, stamina, ketegasan, kelenturan, stabiliti, struktur badan. Manakala Program Multilateral, ini merupakan sebagai sebuah program yang melibatkan kepada pembangunan atlet yang melibatkan pergerakan asas kemahiran lokal motor stabiliti dan manipulatif di mana ianya adalah ke arah menyiapkan diri atlet-atlet muda sebelum pengusahaan sukan spesifik dimulakan.

Pembangunan bakat atlet daripada peringkat umur mula sehingga mewakili negara adalah dalam jangka masa lapan hingga sepuluh tahun. Ia bermula daripada latihan awalan, asas sukan dan seterusnya kepada peringkat spesifik sukan mengikut umur. Di samping itu,

setelah pemilihan kali kedua dibuat terdapat atlet terbabit, KBS juga melibat kepada kecenderungan, kemampuan motor dan fizikal struktur badan yang sesuai dengan sukan yang dipilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Kementerian Belia dan Sukan tidak melaksanakan program realiti seperti *MyTeam*. Walau bagaimanapun, terdapat program di peringkat akar umbi seperti Program Pembangunan Skuad 'C' dan Kerjasama Skuad *Sportspin Event and Athlete Management* yang dikendalikan oleh Azlan Iskandar. Program dilaksanakan di sepuluh buah negeri yang bermula pada tahun 2013 hingga 2016. Pengisian program ini meliputi *coaching clinic*, dengan izin, *talent ID*, sesi latihan, kejohanan Asia dan juga Sirkuit Skuasy Jelajah Malaysia (SSJM).

Selain daripada itu Kementerian Belia dan Sukan juga turut melaksanakan program pembangunan badminton dengan kerjasama Kelab Badminton Nusa Mahsuri yang dikendalikan oleh Yang Berbahagia Datuk Misbun Sidek dan Jalaini Sidek.

■1010

Program ini bertujuan mencari bakat yang baru dan potensi di peringkat akar umbi dan akan dipilih menjadi pemain pelapis. Program ini juga memfokuskan dalam meningkatkan kedudukan *ranking* pemain pelapis dalam *world ranking*, dengan izin, agar layak kejohanan-kejohanan besar dan berprestij. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa saya setuju program penceriaan ini merupakan satu pendekatan yang baru. Setakat ini, sejauh mana program ini telah dilaksanakan? Adakah di peringkat negeri, di peringkat Parlimen dan berapa pula yang sudah kita cari? Contohnya dari Kalabakan berapa, dari Kinabatangan sudah berapa, dari Kota Bharu berapa, Baling yang ditemui. Bakat bagaimanakah yang kita cari ini sebab mutakhir ini kita lihat kita sudah ada bintang-bintang yang hampir menyinar, tetapi tiba-tiba terbunuh di jalan raya seperti berlaku baru-baru ini dibiarkan di muka-muka akhbar iaitu atlet berbasikal kita dirempuh oleh van pengiring sendiri. Jadi, tidak adakah SOP ataupun garis panduan ke arah mengekang supaya perkara begini tidak berlaku. Ini bukan pertama kali, berkali-kali. Kementerian harus ada komitmen dengan persatuan-persatuan sukan yang lain.

Jangan kita, persatuan-persatuan sukan ini asyik memikirkan ke arah bagaimana dia lebih popular. Apa yang harus kita tumpukan iaitu belia itu sendiri sebab kita ada lebih kurang 8 juta belia di seluruh negara. Daripada 8 juta ini, 30% hingga 40% datangnya daripada luar bandar. Jadi, apa usaha kementerian ke arah mempertingkatkan kualiti belia-belia luar bandar khususnya untuk memastikan bahawa mereka juga tidak ketinggalan dalam arus perubahan. Ini kerana walaupun di luar bandar, mereka berhak menikmati perubahan arus zaman yang moden selari dengan belia-belia yang lain [Disampuk] Sudah, soalan sudah masuk iaitu usaha yang dilakukan. Ini Yang Berhormat Putrajaya mungkin dia mahu tahu nombor saya, 26 Yang Berhormat Putrajaya, jadi jangan lupa. Jadi itulah usaha-usaha yang lebih konkrit yang lebih meyakinkan. Kita mahu belia kita berjaya dalam industri sukan, mahu juga belia kita berjaya dalam kehidupan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Satu perkara yang amat sedih di mana salah seorang atlet telah meninggal semalam. Walaupun Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi lain sentiasa mengutamakan ciri-ciri keselamatan, bukan sahaja dalam sukan berbasikal tetapi semua jenis sukan. Akan tetapi walau bagaimanapun, kita harus perlukan bantuan dan kerjasama daripada atlet sendiri. Kita boleh mengamalkan pelbagai langkah untuk memastikan keselamatan, tetapi sekiranya tidak ada kerjasama daripada atlet sendiri, mungkin tidak akan berhasil. Maka saya ucapkan takziah kepada keluarga yang meninggal dunia semalam.

Dari segi jumlah belia adalah merupakan salah satu komponen yang begitu besar, hampir 40% terdiri daripada golongan belia di bawah umur 18 tahun hingga 40 tahun daripada jumlah populasi yang sedia ada. Belialah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa yang akan datang dan Kementerian Belia dan Sukan begitu sensitif dan peka terhadap pembangunan belia tanpa mengira sama ada daripada bandar atau luar bandar. Kita bagi keutamaan yang sama kepada dua-dua golongan daripada bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun, dari segi program yang sedang dilaksanakan mulai tahun 2013 hingga 2016 masih dalam peringkat awal. Oleh sebab itu kita tidak dapat bagi bilangan yang telah berjaya ataupun dipilih.

Apa yang penting masalah hari ini, kekangan Kementerian Belia dan Sukan dari segi memilih belia-belia ini menyertai program seperti ini. Pertama dari segi kesedaran khususnya di kalangan belia-belia di luar bandar. Kedua adalah dari segi pemilihan kerana ramai hari ini

khususnya ibu bapa berpendapat bahawa sukan bukan lagi sebagai satu aktiviti bersukan tetapi lebih daripada sukan di mana menggunakan sukan sebagai satu aktiviti untuk memperkasakan ekonomi belia. Maka mereka memilih bidang-bidang ataupun acara-acara yang mereka ingin menyertai. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang mengambil pelbagai langkah supaya belia-belia ini tidak tercicir daripada pembangunan sukan negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dan tahniah Yang Berhormat Kinabatangan, soalan yang begini baik dan diminati ramai. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa di negara kita sekarang ini sukan ini bukan lagi menjadi satu aktiviti sebaliknya telah menjadi satu industri sukan. Kita lihat bagaimana ramainya ahli sukan kita yang telah memilih sukan ini sebagai karier profesional mereka seperti bola sepak, badminton, skuasy, tenis dan sebagainya. Tidak asing lagi kepada negara kita ini, kita mengambil jurulatih asing daripada luar negara untuk menjadi jurulatih dalam negara kita ini sebagai langkah untuk satu *transfer* teknologi dari segi sukan ini kepada ahli sukan kita.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan kemudahan dari segi taraf penduduk tetap ataupun warganegara kepada atlet-atlet luar negara yang bertaraf dunia jika sekiranya mereka ini berminat untuk berhijrah ke Malaysia. Ini kerana pada saya dengan itu berlakunya *transfer technology* sukan yang *direct* kepada rakyat negara kita. Boleh jadi ahli sukan daripada Amerika misalnya diberikan taraf penduduk tetap di Malaysia ini, dia berminat hendak duduk di Kinabatangan, duduk di sana. Mungkin dia boleh kahwin di Kinabatangan, dapat anak di sana, mendapat keturunan. Sukan, keturunan sukan, *gene* sukan yang bertaraf dunia. Itu satu cara untuk kita mempertingkatkan taraf sukan, apa jenis sukan pun dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang sangat sudah ini.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Adakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan cadangan ini?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tujuan asal Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensinya ini membawa jurulatih-jurulatih daripada luar

negara supaya memastikan atlet-atlet kita boleh capai ke taraf antarabangsa. Ada juga agama yang menyokong berhijrahlah hingga ke negara China untuk mendapatkan pengetahuan. Maka tujuan kita tujuan itu untuk memastikan atlet-atlet kita mencapai satu tahap yang begitu cemerlang. Walaupun saya sendiri menyokong sekiranya diberi kerakyatan ataupun PR dengan izin, tetapi malangnya bukan bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan, tertakluk kepada Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi ini kita baca *newspaper*, kemalangan kepada pasukan berbasikal kita. Jadi Menteri mengarahkan supaya mencari kaedah-kaedah apa macam kita mahu mengelakkan kemalangan seperti ini berlaku lagi. Jadi kalau cara kita berbasikal di jalan raya, memang akan datang banyak maut di jalan raya. Jadi mungkin kementerian sendiri memikirkan sesuatu. Macam di Australia Tuan Yang di-Pertua, jalan raya dan diganding dengan jalan basikal dan motosikal. Adakah kementerian bercadang untuk mengasing basikal dengan kenderaan besar-besar ini? Sendiri ada dia punya *track* untuk berbasikal. Adakah kementerian bercadang untuk membuat di seluruh negara kerana kalau kita harap akademi yang ada di Sabah satu, di daerah-daerah lain, tiada. Jadi saya mahu tahu, adakah perancangan yang berkesan untuk atlet-atlet kita? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mementingkan ciri-ciri keselamatan. Ciri-ciri keselamatan adalah diutamakan, tetapi yang pentingnya kerjasama daripada atlet sendiri. Kalau tidak, walaupun kita mengamalkan pelbagai ciri-ciri keselamatan, tanpa kerjasama daripada atlet sendiri mungkin kita tidak dapat mencapai matlamat. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat akan diambil sebagai satu cadangan dan pandangan yang serius. Kementerian Belia dan Sukan akan memberi pandangan serius terhadap cadangan beliau. Terima kasih.

2. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, tentang projek Tebatan Banjir Sungai Golok Rantau Panjang yang tertangguh sekian lama menyebabkan kerugian besar akibat banjir sedangkan kerajaan Thailand telah pun menyiapkannya, kesannya air banjir melimpahi sempadan negara kita dan menjejaskan operasi perkhidmatan agensi kerajaan dan perniagaan serta pertanian rakyat tempatan. Bilakah projek tebatan banjir akan dilaksanakan.

■1020**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek rancangan tebatan banjir Sungai Golok bagi mengurangkan masalah banjir di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand terutama di Pekan Rantau Panjang dan juga sebagai projek keselamatan di sempadan. Bagi permohonan projek baru tahun 2015, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Tebatan Banjir Sungai Golok Fasa 1 yang berjumlah RM345 juta. Pelaksanaan projek ini dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2015 dan akan disiapkan pada tahun 2019 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Rantau Panjang yang juga bijaksana.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat maklumat daripada JPS, peruntukan yang dipohon itu adalah untuk penstabilan tebing sungai bukan untuk tebatan banjir. Saya ingin tahu sejauh mana pencapaian yang telah dipersetujui bersama antara G2G Malaysia-Thailand dalam menangani isu alam sekitar di sempadan sebab kerajaan kena memerhati apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Thailand sekarang ini. Sebab mereka telah hampir menyiapkan keseluruhan tebatan banjir yang tingginya mengatasi paras kepala.

Jadi apabila berlaku banjir dalam masa terdekat, kesannya cukup besar. Air akan melimpah terus kepada sempadan Malaysia dan ini akan memberi kerugian yang amat besar kepada rakyat di negara kita. Jadi kepada pihak kementerian, kena ambil perhatian perkara ini dan saya tak mahu pihak kementerian memberi alasan dengan peruntukan sedangkan perkara ini kita telah bincang dengan pihak JPS, hanya peruntukan penstabilan tebing sungai bukan tebatan banjir. Jadi minta penjelasan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan itu. Saya sememangnya menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat di mana-mana pun disebabkan sekarang negara kita memang di dalam keadaan banjir disebabkan fenomena perubahan iklim. Untuk makluman Yang Berhormat, yang RM100 juta itu adalah untuk projek penstabilan tebing. Ini adalah penting dan duit ini sudah ada untuk projek mulai tahun ini, tahun 2013 bukannya untuk projek rancangan tebatan banjir sebab perancangan sudah pun dibuat

dan pada tahun 2010 dahulu, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok telah siap kajian pada masa itu. Jadi perancangan untuk projek-projek tebatan banjir pun sudah pun dibuat dan projek ini ianya bermula daripada Sungai Lanas di Jajahan Jeli sehingga muara Sungai Golok di Pengkalan Kubor, Tumpat yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM1.4 bilion.

Jadi yang dipohon untuk tahun 2015 ini adalah untuk kawasan yang saya telah sebut tadi. Jadi, saya mengharapkan bahawa ianya akan diteruskan tetapi untuk projek penstabilan tebing ini adalah penting kerana kita tidak mahu nanti sempadan di antara Malaysia dan Thailand nanti berganjak kepada sebelah kita sebab persempadanan ini, ianya mengikut bahagian sungai yang paling dalam. Jadi, kalau di sebelah kita nanti yang paling dalam ini bermaknanya sempadan negara kita dengan Thailand nanti berganjak di sebelah kita, jadi kecil pula nanti negara kita nanti. Oleh itu, ini juga yang paling penting.

Yang kedua, di sebelah negara jiran, Thailand memanglah sudah pun dibuat ban di tebing sungai. Di sebelah kita, oleh sebab tanah di sebelah kita lebih rendah daripada di sebelah Thailand, maka perancangan rapi amat perlulah untuk semuanya ini supaya projek rancangan tebatan banjir nanti akan lebih lagi berkesan. Jangan kita nak buat yang tidak berkesan, nanti susah pula sebab ini semuanya adalah kebaikan untuk negara, kebaikan untuk rakyat juga. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Baling. Nombor berapa Yang Berhormat Baling ini? Soalan nombor dua ini.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, nombor saya 15. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya soalan tambahan. Apakah langkah-langkah atau tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah banjir ini sebab ianya berkisarkan tambatan sungai-sungai. Saya secara kebetulan datang daripada kawasan luar bandar, kawasan Parlimen Baling di mana mata pencarian merata-rata di kawasan kami adalah pertanian. Jadi saya telah berkali-kali berjumpa dengan pihak JPS berkaitan dengan banjir. Banjir di Baling ini, kami di Baling ini bukan panggil air kita panggil 'A', 'A' lalu. Hujan sahaja, 'A' lalu. Maknanya seminggu empat kali 'A' lalu, 'A' lalu itu tiga kaki, empat kaki masuk dalam rumah bukan setakat dalam rumah, bendang, segala talian air di situ.

Jadi, saya dah cakap banyak kali saya dah berjumpa dengan pihak JPS, mereka menyatakan jawapan yang sama iaitu tidak ada peruntukan, tidak ada peruntukan dan tidak ada peruntukan. Jadi saya berharap semasa saya menjadi Ahli Parlimen di Baling, saya

menjemputlah Yang Berhormat Menteri, kita kenal Yang Berhormat Menteri ini orang yang pakar. Timbalan Menteri ini pakar, saya panggil dia profesor saya sebab beliau kalau berhujah, menceritakan fakta dan saya harap bolehlah turun ke bawah sedikit. Selain daripada Rantau Panjang tadi, datanglah ke Baling. Dalam perjalanan, singgahlah ke Baling masa waktu balik tengok kawasan kami begitu daif teruk sebab kami dahlah luar bandar dan dikatakan miskin tapi apa yang kita hendak, kalaulah kita dapat bantuan daripada kementerian untuk melaksanakan tanggungjawab yakni berkaitan dengan sungai iaitu tambatan sungai.

Memang kalau cerita pasal hakisan, kalau Yang Berhormat Menteri datang sendiri, Yang Berhormat Menteri akan menilai sebagai seorang pakar perlunya bagaimana tegarnya Baling perlu sokongan dan bantuan dalam konteks ini. Saya pohon Yang Berhormat Menteri sila datang ke Baling. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih sahabat saya ini Yang Berhormat Baling. Sememangnya banjir berlaku di seluruh negara apatah lagi kita ini mewakili kawasan luar bandar, jadi masalah banjir yang perlu kita tangani. Saya belum lagi turun padang untuk ke Baling.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, ini tak ada pencelahan ya Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya belum lagi turun padang untuk pergi ke Baling tapi saya memang teringin bukan sahaja ke Baling tetapi di Golok juga. Saya ingin menilai sendiri tentang keadaan. Satu, tentang keadaan sungai.

Yang kedua, tentang keadaan kawasan tadahan air kerana yang penting adalah maklumat-maklumat dan data-data untuk kawasan tadahan air dan sungai. Sekarang, disebabkan yang saya dah bagi tahu tadi iaitu perubahan iklim, hujan lebih kerap lagi di negara kita. Di Sarawak lebih kerap lagi dengan 40% di selatan Sarawak. Mana tidak akan banjir kalau ada hujan dalam tempoh satu jam. Jika ini jumlah air hujan itu 80 milimeter sudah tentu ada tempat lebih-lebih lagi tempat yang tanah rendah itu terkenallah banjir.

■1030

Jadi perkara seperti inilah yang kementerian saya buat kajian dan termasuk juga saya sendiri memang selama saya bertugas dengan kerajaan lebih 30 tahun saya hanya membuat penyelidikan dan kajian sahaja. Tidak pernah saya buat tugas pentadbiran. Oleh itu memang saya teringin untuk turun ke padang melihat dan menilai bagaimanakah banjir ini berlaku dan

apakah tindakan yang sewajarnya untuk Rancangan Tebatan Banjir. Perancangan memang banyak kita boleh buat cuma kita memohon duit daripada Kementerian Kewangan jika cadangan kita sudah siap kita hantar untuk memohon duit. Kalau peruntukan itu sudah ada, sudah diberi kepada kita barulah kita mula melaksanakan Projek-projek Rancangan Tebatan Banjir. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Baling yang membawa masalah Baling. Sama juga seperti masalah luar bandar yang lain yang ada sungai. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

3. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah usaha yang diambil bersama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya ubat yang diharamkan tidak mudah diakses melalui laman web oleh kalangan orang awam.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Simpang Renggam kerana telah membangkitkan satu isu yang sangat mustahak pada kini tentang iklan-iklan yang keluar di dalam laman web.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah telah diambil oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memerangi laman web yang dikesan mengiklankan dan menjual produk tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Bahagian ini bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam satu operasi khusus yang telah diselaraskan oleh pihak Interpol dalam usaha menutup laman web yang dikesan melanggar akta-akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan.

Operasi ini dijalankan secara bersepadu dan melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan dari lebih 100 negara di seluruh dunia dan dikoordinasikan oleh Interpol. Sepanjang operasi ini dijalankan pada fasa pertama iaitu dari September 2012 sehingga 2 Oktober 2012, sebanyak 99 laman web telah disenaraikan kepada pihak SKMM untuk menyekat dan seterusnya menutup laman web tersebut. Di dalam operasi lanjutan yang telah diadakan daripada 18 Jun 2013 sehingga 25 Jun 2013 sebanyak 163 laman web telah disenaraikan untuk disekat dan ditutup daripada akses oleh orang awam.

Di samping operasi-operasi yang dijalankan secara berkala, kementerian sentiasa memantau kewujudan laman web dan laman sosial yang melanggar akta-akta yang

dikuatkuasakan dari segi penjualan dan pengiklanan. Ini dilakukan bagi melindungi pengguna dari terjebak dengan percaya kepada promosi-promosi dan iklan-iklan yang kebanyakannya sengaja direka tanpa sebarang asas dan bukti saintifik. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 2,133 permohonan iklan telah diterima oleh Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan dan dari jumlah tersebut hanya 1676 permohonan diluluskan oleh Lembaga Iklan dan Ubat untuk tujuan pengiklanan. Sebanyak 314 surat amaran telah dikeluarkan kepada syarikat dan penerbit pengiklanan yang dikesan melanggar Akta Ubat dan Peraturan-peraturan meliputi pelbagai kesalahan.

Pada tahun ini sehingga Jun 2013, sebanyak 1153 permohonan iklan telah diterima oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan dari jumlah tersebut, hanya 1,045 diluluskan oleh Lembaga Iklan. Sebanyak 94 surat amaran telah dikeluarkan bagi tempoh Januari sampai Jun tahun ini. Terima kasih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya amat mengalu-alukan usaha yang dilakukan oleh kementerian. Namun saya lihat banyak lagi ruang yang boleh diperbaiki ataupun ditambah baik. Saya cuma bagi contoh Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi saya menggunakan *Google*, saya masukkan perkataan ubat lelaki dan saya mendapati sebanyak dua juta hasil carian dan saya masukkan lagi dengan bahasa Inggeris *medicine for man in Malaysia* dan terdapat 11 juta laman web. Lagi satu dengan bahasa Cina dengan erti yang sama dapat 542,000 sebagai hasil carian.

Jadi ini semua sebagai contoh. Terdapat banyak laman web yang memberikan maklumat pembekal dan juga nombor *hand phone* dan saya percaya antaranya banyak ubat yang telah pun tidak ada kelulusan daripada KKM. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa kalau boleh satu agensi ataupun jawatankuasa khas ditubuhkan di bawah KKM supaya pemantauan dapat dijalankan dengan kerap dan rapat dan media sosial ini tidak digunakan sebagai alat untuk menjual ubat larangan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat ambil ubat mana, jenis apa? Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Salah satu punca mengapa ada iklan-iklan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah ada rakyat di dalam dunia ini dan di dalam negara seperti Ahli Yang Berhormat

yang mencari iklan-iklan dan web-web yang mengedarkan ubat-ubat sedemikian. Punca mula daripada itu, kalau tidak ada permintaan tidak ada pembekalan.

So kalau perkara itu boleh dikawal iaitu melalui meningkatkan kesedaran di dalam kalangan rakyat supaya jangan gunakan media sedemikian untuk mendapat ubat-ubat, maka kalau pun ada satu juta pun ia tidak akan memberi kesan kerana tidak ada orang yang akan membeli melalui web ini.

So, ini adalah satu perkara yang sangat mustahak. Di dalam usaha ini, kementerian telah membuat banyak iaitu melalui ceramah, melalui dialog, melalui meningkatkan kesedaran kepada rakyat bahawa pembelian ubat melalui iklan laman web ini kadang-kadang akan memudaratkan kesihatan mereka. Mereka akan mendapat ubat-ubat yang palsu dan kesan-kesan yang teruk daripada menggunakan ubat-ubat ini. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat Simpong Renggam tentang isu pemantauan dan pada masa sekarang ini dibuat oleh Bahagian Iklan di dalam Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Kesihatan di bahagian farmasi.

Kita sedang berusaha untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai di dalam bahagian itu melalui hantar mereka untuk mendapat latihan di dalam bidang *cyber crime* pada khususnya, supaya melalui adanya pegawai-pegawai yang terlatih, mempunyai pengetahuan yang lebih luas dan kebolehan untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah ini kita boleh mendapat satu penyelesaian muktamad kepada perkara ini.

So pada akhirnya isu ini selain daripada mengadakan agensi-agensi tersebut, selain daripada adanya mengambil tindakan ke atas mereka dan pemantauan dan apa yang paling mustahak ialah kesedaran dan pengetahuan di dalam kalangan rakyat, di dalam dunia globalisasi ini.

■1040

Walaupun kita boleh mengawal iklan yang keluar dari negara kita melalui SKMM tetapi yang keluar daripada negara-negara yang lain, kita menghadapi kesulitan dan kesukaran kerana itu memerlukan kerjasama daripada negara lain, daripada agensi seperti *Google* dan sebagainya untuk bantu kita menghadapi isu ini. So, perkara ini di dalam satu era globalisasi, di dalam dunia *internet* yang ada pada masa sekarang, apa yang paling mustahak ialah jati diri seseorang, pengetahuan dan kebolehan untuk pastikan tidak menggunakan kaedah-kaedah seperti ini. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Simpang Renggam. Adalah lebih baik Yang Berhormat Simpang Renggam mencari dalam *Google* tentang kesihatan lelaki daripada mencari dalam *Google* tentang kekayaan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan berkaitan dengan SKMM dan iklan-iklan berkaitan dengan ubat ini. Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa kita boleh kawal SKMM, tidak boleh kawal *Google*, internet dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita mengikuti radio, hampir setiap pagi atau petang akan ada— bukan iklan secara *direct* tetapi program-program yang dibiayai saya yakin, oleh syarikat-syarikat yang menjual atau mempromosikan berbagai-bagai bentuk ubat-ubat yang boleh dalam satu ubat itu menjaga kesihatan, menjaga kelakian, menjaga kencing manis, mencantikkan kita, menghitamkan rambut yang sudah putih dan perkara-perkara itu.

Jadi, adakah Kementerian Kesihatan mengawasi melalui SKMM, penerbitan-penerbitan seperti ini? Misalnya pengacara program itu adakah disyaratkan misalnya setiap sepuluh minit memberi amaran kepada pendengar bahawa program ini dan apa yang disebutkan ini bukanlah iklan yang ditaja oleh RTM dan RTM tidak bertanggungjawab. Jika ada masalah akibat buruk daripada mengambil ubat-ubat ini ianya adalah bukan tanggungjawab kerajaan, RTM dan sebagainya. Adakah pengawasan dan nasihat seperti ini supaya pendengar jelas bahawa ini, pertamanya bukan ubat. Ini hanya makanan kesihatan dan sebagainya dan ini bukan disahkan oleh RTM. RTM tidak bertanggungjawab dan pendengar mesti meneliti sendiri, mengkaji sendiri dan menilai sendiri jenisnya, harganya dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya memang setuju dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Tumpat itu. Di dalam era di mana bidang penyiaran, penerangan, radio dan sebagainya sudah menjadi satu *corporate entity* yang memberi tumpuan kepada *business*.

Maka selain daripada *the airtime* pada keseluruhannya ditaja oleh kerajaan. Sekarang ianya ditaja oleh pihak swasta. So, bila mereka menjual *airtime* kepada pihak swasta, memang ada pelbagai jenis agensi yang meminta untuk menggunakan *airtime* itu. Semasa mereka datang dan menggunakan *airtime*, memang ada syarikat-syarikat yang pelbagai, yang mahu menjual pelbagai jenis produk yang menggunakan *airtime* itu selain daripada separuh yang digunakan untuk hiburan, ada separuh yang digunakan untuk penjualan produk-produk mereka.

Saya bersetuju 100% bahawa di dalam hal ini ada tanggungjawab, saya telah menyuarakan pandangan ini kepada beberapa pihak yang berkaitan bahawa di dalam perkara ini ada tanggungjawab kepada agensi-agensi penyiaran ini mahupun daripada kerajaan ataupun di swasta. Ini supaya mereka pastikan apa yang diiklankan, yang dijual ini ialah produk-produk yang akan membawa kesihatan dan pembangunan kepada seseorang selain daripada membawa efek yang boleh dipersoalkan.

Perkara ini, saya ingat pihak kementerian akan teruskan untuk memastikan bahawa dalam usaha untuk mendapatkan lebih agensi untuk menggunakan *airtime* dan membawa untuk *advertisement* ini, satu tanggungjawab kerajaan untuk mengawal semua agensi penyiaran. Tidak kira daripada kerajaan atau pun daripada swasta supaya apa yang disiarkan itu adalah satu yang pada keseluruhannya akan membawa kesan yang baik kepada rakyat pada keseluruhannya. Terima kasih.

4. Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil] minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah bayaran yang telah dibuat kepada agensi perhubungan awam untuk menghasilkan tema, "*Endless Possibilities*" iaitu tema sama yang digunakan sewaktu kempen, "*Eye on Mongolia*" pada Ogos 2011 dan juga Israel.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Speaker, Setiausaha dan juga pegawai Parlimen yang masih boleh datang awal walaupun semalam kita habis lewat. Terima kasih kepada pejuang-pejuang Barisan Nasional yang terus berada di sini dan kawan-kawan yang berbicara semalam nampaknya tidak dapat datang awal kerana mungkin tewas. Ketua Pembangkang pula datang awal hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dari sudut perkataan ianya mungkin kelihatan sama tetapi inti pati dan semangatnya adalah berbeza. Ingin ditekankan di sini bahawa perkataan-perkataan ini dihasilkan oleh suara rakyat Malaysia sendiri hasil daripada kaji selidik teliti yang telah dilaksanakan secara meluas di atas pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia. Kementerian-kementerian, badan bukan kerajaan serta pelbagai pihak lain dan seterusnya dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Individu yang menyatakan bahawa ianya meniru slogan atau idea beberapa negara adalah tidak tepat sama sekali. Dalam dunia penjenamaan, pemikiran itu

mungkin sama. Namun semangat rakyat sesebuah negara yang akan mendefinisikannya sebagai sesuatu yang berbeza.

Bagi Malaysia, ia menggambarkan arah tuju masa depan negara, memupuk semangat cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia. Identiti yang dibina itu adalah hasil daripada suara rakyat manakala untuk negara, ianya adalah kempen untuk menjurus kepada inisiatif tertentu iaitu berhubung dengan "*Endless Possibilities*", "*Malaysia Truly Asia*" di samping yang baru kita perkenalkan. "*Malaysia Truly Asia*" adalah merupakan jenama yang berterusan di mana-mana. Merupakan tema bagi Malaysia yang meletakkan negara kita sebagai destinasi pelancongan di tahap antarabangsa dan menarik perhatian dunia. "*Endless Possibilities*" akan mengukuhkan lagi kedudukan kita di antara negara-negara berjaya.

Malaysia sekarang ini berada di tangga 36, mengikut *Country Brand Index* (CBI), dijalankan oleh *Future Brand* melalui strategi promosi pemasaran bagi mengekalkan kekuatan negara agar lebih berdaya saing dan mampan dalam hala tuju menarik lebih ramai pelancong, pelabur, bakat dan juga permastautinan di peringkat global. Ingin ditekankan di sini bahawa pelaburan yang telah dibawa untuk menjalankan kaji selidik terperinci yang kini menjadi asas kepada inisiatif keseluruhan, penjenamaan negara dan bukan hanya untuk menghasilkan rangkaian kata "*Endless Possibilities*".

Oleh itu sama ada rangkaian kata "*Endless Possibilities*" digunakan untuk sebaliknya. Pengasasan yang terhasil daripada kaji selidik ini masih boleh diguna pakai dan tidak berubah. Dengan ini jumlah bayaran RM330,000 telah dikeluarkan untuk keseluruhan proses ini dan bukan hanya untuk penghasilan rangkaian kata "*Endless Possibilities*".

Saya tahu Yang Berhormat ingin bertanya soalan ini. Saya jawab sebelum Yang Berhormat tanya. Yang Berhormat tanya kenapa perkataan ini sama dengan Mongolia yang dilancarkan pada tahun 2011 dan kenapa ianya sama dengan Israel yang dilancarkan pada Mei 2013? Malaysia melancarkan perkataan ini pada bulan Januari 2013. Mongolia, dalam programnya dia hanya masukkan seminggu dalam CNN. Kita memperkenalkannya pada bulan Januari di Davos dan Israel dalam bulan Mei. Akan tetapi dia ada tambah sedikit. Kalau kita lihat iklan yang dibawa itu, dia tulis "*One Place, Endless Possibilities*". Cuma negara-negara yang hebat di dunia ini, yang telah pun menggunakan perkataan lain tetapi hebat. Contohnya, New Zealand "*100% pure*", Australia "*Unique*", dan juga negara-negara lain yang menggunakan perkataan tersebut.

■1050

Matlamatnya adalah supaya mereka ada jenama yang mampu untuk menarik pelabur, pelancong, bakat, permastautinan dan sebagainya. Kita ini adalah jenama masa hadapan. Dalam soalan yang lepas, saya sebut Malaysia berada di tingkat 25. Sebenarnya yang saya maksudkan di sini ialah ini ialah masa hadapan. Kita bercadang untuk meningkatkan nombor 36 sekarang ke nombor 20 masa akan datang terutamanya pada tahun 2020. Pada masa sekarang "*Malaysia Truly Asia*" akan berjalan terus di pemikiran pelancong-pelancong dan juga pelabur-pelabur.

Walaupun orang menyebut bahawa "*Malaysia Truly Asia*" ini hanya untuk pelancongan, sebenarnya tidak. Bila orang melancong, dia juga akan melabur dan dia juga ada pemikiran untuk tinggal di sini dan membelanjakan wang mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri hanya jawab satu bahagian sahaja tentang soalan saya iaitu jumlah bayaran. Akan tetapi, saya juga tanya dibuat kepada agensi perhubungan awam yang mana. Ini kerana seperti Yang Berhormat nyatakan tadi, mendapat pandangan daripada rakyat, NGO, pelbagai lapisan pada saya tidak pernah pun selama ini kita dengar ataupun baca inisiatif kerajaan untuk menghasilkan slogan-slogan sebegini.

Oleh sebab mutakhir ini saya lihat ada kecenderungan kerajaan untuk tidak mengiktiraf kakitangan kerajaan yang mempunyai idea-idea yang kreatif ataupun paling tidak pun universiti-universiti yang menghasilkan sekolah-sekolah ataupun unit-unit kreatif seperti UiTM malah mungkin juga di Perlis. Semalam Yang Berhormat Menteri sebut seluas Perlis itulah Universiti Perlis. Takkan tidak ada mereka-mereka yang kreatif yang boleh menghasilkan slogan-slogan yang baik? Kalau tidak mungkin daripada Universiti Utara di mana saya difahamkan Yang Berhormat Menteri mendapat PhD. daripada universiti tersebut.

Saya fikir mesti ada rasa semangat dan keyakinan kepada mereka yang berada dalam kelompok kita ini untuk diberikan peluang merangka suatu perkara, satu slogan yang betul-betul manfaat. Sebab dalam belanjawan tambahan yang lalu, kita telah luluskan, kerajaan minta tambahan RM21 juta untuk penjenamaan semula dan ini satu perkara bukan *endless possibilities*, ini *endless lavishness*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Malah soal perkataan pelancaran “*Endless Possibilities*” ini Mongolia, saya hendak sebut warna perkataan “Mongolia” itu, kalau kita teliti sama macam warna logo “*Endless Possibilities*”. Ini nampak sangat kerajaan tidak mempunyai idea dan malah terpaksa meniru. Apa salahnya kerajaan menggunakan perkataan seperti “*Malaysia Boleh*”, ataupun “*Malaysia Hebat, Rakyat Muafakat*”? Benda-benda ini boleh kita kemukakan kenapa hendak perlukan konsultan, kenapa hendak perlukan agensi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil panjang sangat. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, semasa kita memperkenalkan jenama ini kita telah berjumpa dengan pelbagai pihak termasuk universiti-universiti. Akan tetapi, seperti Yang Berhormat sedia maklum, macam juga *Facebook*, setengah orang bila dia lepas perasaan dia, dia ingat satu dunia tengok dia, tidak. Hanya dunia yang 5,000 orang di kalangan kawan-kawannya. Kalau boleh tengok “*Like*” itu hanya itulah yang berpusing di kalangan itu. Akan tetapi, kalau kita masuk *Twitter* ia lain sedikit dan sebagainya.

Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat tidak rasa macam terlibat semasa perbincangan dibuat, bukan bermakna kita tidak libatkan orang. Kita sudah melibatkan pelbagai pihak. Berhubung dengan idea-idea daripada pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya kita sentiasa mengalu-alukan malah kerajaan telah berbelanja dengan begitu banyak untuk kita bagi kepada universiti-universiti untuk hendak buat *research*.

Kita kena ingat bila kerajaan bagi peruntukan untuk membuat *research* dia bukan untuk universiti. *Research* ini ialah untuk seluruh program penyelidikan yang diberi untuk membolehkan kita mendapat sesuatu produk dan selepas itu boleh kita pasarkan produk.

Akan tetapi pernah ada satu tahun, semua duit itu hampir 95% dibelanjakan oleh pihak universiti untuk buat *research* tetapi kita tidak dapat balik *research* itu lebih merupakan teori-teori yang terletak di atas meja yang tidak digunakan dengan sepenuhnya. Akan tetapi, sekarang ini kita sudah ambil pendekatan baru di mana mungkin separuh universiti dan separuh bukan universiti kita berharap semoga duit yang kita beri untuk *research* itu boleh mendapat manfaat balik kepada kerajaan. Akan tetapi, hendak menunjukkan kerajaan serius sampai duit yang sepatutnya digunakan untuk penyelidikan itu diberi kepada universiti dengan begitu banyaknya. Kalau ada idea-idea yang bagus daripada mana-mana pihak dan sebagainya sudah

pasti kita membuka ruang dan peluang untuk kita mendengar dan unit jenama ini sentiasa terbuka untuk rakyat Malaysia.

Pada masa sekarang ini, kita lebih memberi penekanan kepada "*Malaysia Truly Asia*" sebab di mana-mana pergi pun orang melihat perkara ini. Kalau kita tanya kepada pelancong-pelancong bila kata fasal Malaysia dia kata *Petronas Twin Towers* jadi pemikiran "*Malaysia Truly Asia*" itu memang menguasai pelancong dan kita antara negara yang terbesar sekali pelancong datang ke sini.

Jadi, berhubung dengan soalan Yang Berhormat sama ada idea-idea daripada pelbagai pihak dan rakyat itu kita sentiasa mengalu-alukan. Yang Berhormat sebut "*Malaysia Boleh*", "*Malaysia Can*" tidak jadi masalah. Benda ini ialah di antara pemikiran-pemikiran yang telah dilontarkan tetapi kita ambil satu perkataan yang bernama "*Endless Possibilities*". Kita tidak meniru Mongolia, saya rasa Mongolia itu hanya datang sepintas lalu semasa mereka menjalankan pelaburan di Mongolia. Akan tetapi, kita mengambil pendekatan yang lebih besar bila kita perkenalkan jenama ini di Davos, selepas itu Israel bulan Mei. Israel pun menggunakan perkataan yang sama tetapi dia masuk juga perkataan di hadapan itu, kadang-kadang, "*One Place, Endless Possibilities*." Akan tetapi, "*Endless Possibilities*" itu juga nama yang sama digunakan di Malaysia.

Jadi, kita berharap agar jenama ini mampu untuk membantu menarik pelaburan dan juga lain-lain lagi dan yang keduanya jenama ini ialah jenama yang kita harap akan mewujudkan semangat kekitaan. "*We feeling*" di kalangan rakyat Malaysia. Sekarang ini semangat kekitaan itu ada kurang sedikit. Pergi ke luar negara ada orang bantai negara, kita mahu bila pergi ke luar negara kita bersama bila balik kita berbeza. Tiada masalah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [*Bangun*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita tidak payah buat apa-apa bila luluskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam ini bukannya perbahasan ya, soal jawab lisan. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita, kita kena jawablah Tuan Yang di-Pertua. Cakap dengan Yang Berhormat Menteri janganlah bantai kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan tambahan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat "*Endless Possibilities*" yang telah dinyatakan tadi adalah satu usaha berterusan oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan perpaduan nasional dan imej negara dalam mencapai tahun 2020 Malaysia sebuah negara maju. Peluang yang tiada penghujung untuk berjaya bagi semua rakyat Malaysia secara berterusan. Saya lihat ini juga satu usaha juga untuk menaikkan imej Malaysia ke mercu antarabangsa dan saya lihat ada juga unsur-unsur yang cuba memutar belitkan perkara ini dengan perkara ini dengan mengaitkan dengan negara Israel dan juga Mongolia.

Saya lihat dari segi syarikat-syarikat korporat pun mereka juga ada memperuntukkan sejumlah kewangan untuk menjenamakan syarikat korporat mereka sebagai contohnya *BMW* dengan *Ultimate Machine*, *KFC* dan sebagainya. Soalan saya apakah rasional penggunaan tema "*Endless Possibilities*", serta apakah impak positif yang diharapkan daripada penggunaan tema tersebut dan bagaimana kerajaan boleh mengekang daripada usaha-usaha yang boleh menyebabkan rasional penggunaan tema ini disalah ertikan, diputar belitkan oleh sesetengah pihak tertentu? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Soalan yang cukup baik tanpa...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Siap jawapan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya berjanji pada diri saya kalau kamu ganggu saya macam ini saya akan ganggu kamu sampai bila-bila. *[Dewan riuh]* Jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi mereka juga banyak memperkenalkan jenama masing-masing. Macam MAS- "*Malaysian Hospitality*". Macam AirAsia- "*Everyone Can Fly*". Macam Yang Berhormat Seputeh, tak tahulah apa ya..., semua putih, kot?

■1100

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *DAP champion*, barang naik.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: DAP, dia anak- tak ada demokrasi. Macam UMNO- "*Dulu, Kini dan Selamanya*" [*Ketawa*] Okey, berhubung dengan "*Endless Possibilities*" dan juga impak masa hadapan. Ini ialah "*Endless Possibilities*" ialah masa hadapan. Kita berharap dalam tahun 2020, kita akan masuk ke tangga nombor 20 dalam CBI. Jadi, bila nama kita sudah berada di pasaran pemikiran antarabangsa, sudah pasti ia adalah sesuatu yang bermakna. Seperti New Zealand, "*100% Pure*". Akan tetapi pada masa sekarang, Malaysia lebih dalam masa sekarang ini, Malaysia lebih mengetengahkan perkataan "*Malaysia Truly Asia*" dan kalau tanya kerajaan, apa yang kerajaan hendak buat sekarang? "*Malaysia Truly Asia*" ialah semasa, masa hadapan ialah, "*Endless Possibilities*".

Jadi, kita berharap dengan jenama ini Malaysia mampu untuk menarik ramai pelabur, ramai pelancong, ramai orang yang ada bakat, ramai ekspatriat. Akan tetapi di peringkat Malaysia sendiri, kita berharap ia dapat menyatupadukan rakyat, dapat mewujudkan rasa cinta dan sayang, dapat mewujudkan baik sangka dan jangan sentiasa buruk sangka. Bila kita pergi ke luar negara, kita mempunyai semangat, "*we feeling kekitaan*", kita orang Malaysia. Balik di sini kita berbeza, tidak apa. Akan tetapi kalau pergi keluar negara pun kita berbeza, balik ke sini pun berbeza, itu bukan cara Malaysia dan bukan cara rakyat Malaysia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah jadi *copy-cat*lah. Kita sudah ada "*Malaysia Truly Asia*", sekarang mahu salin orang lain punya slogan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Seputeh, saya jawab. Ini saya sebut sekali lagi ya, kita tak *copy* orang, kemungkinan orang *copy* kita [*Ketawa*] Kita dengan Israel, kita dengan Israel...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Copy-cat*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita, kita- *shut up you* [*Ketawa*] Kita memperkenalkan dalam bulan Januari. Israel memperkenalkan dalam bulan Mei. Kalau kita mengaji ke sekolah rendah pun, Januari dengan Mei itu ada perbezaan yang cukup nyata. Jadi, marilah sama-sama kita memberikan sokongan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, kita tiru, 1Malaysia, tiru 1Israel.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ..."*Malaysia Truly Asia, Endless Possibilities*".

Seorang Ahli: Hei, duduklah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini *lawyer* tetapi peraturan mesyuarat tak faham. [*Ketawa*] Saya ingat *pi* belajar balik sekali lagi ya?

5. Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah punca begitu banyak penangguhan penerbangan awam yang berlaku semenjak kebelakangan ini; dan
- (b) apakah langkah kementerian untuk menyelesaikan perkara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sepanggar, punca utama bagi begitu banyak penangguhan penerbangan awam yang berlaku semenjak kebelakangan ini ialah peningkatan mendadak pergerakan trafik sejak 12 bulan yang lalu iaitu daripada purata 750 pergerakan sehari kepada purata 950 pergerakan sehari di lapangan terbang Kuala Lumpur, Lapangan Terbang KLIA. Kelewatan ini ditambah pula dengan keadaan cuaca buruk, keadaan jerebu dan juga perubahan angin kencang yang kadangkala melebihi 10 batu nautika sejam yang memerlukan pertukaran landasan arah berlepas dan juga mendarat bagi memastikan keselamatan operasi penerbangan.

Kelewatan satu penerbangan akan menyebabkan kelewatan kepada penerbangan seterusnya pada hari tersebut seperti kesan domino. Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sedang berusaha meningkatkan keupayaan dan kapasiti operasi kawalan trafik udara melalui projek *Air Traffic Management Operation Plan (ATMOP)* singkatannya.

Keupayaan pergerakan keluar-masuk pesawat dari KLIA sedia ada sebanyak 68 pergerakan pesawat setiap jam akan dapat ditingkatkan kepada 78 pergerakan sejam termasuk pelaksanaan operasi pendaratan dan pelepasan serentak dari mana-mana dua landasan di KLIA dan dengan siapnya landasan ketiga di KLIA yang ketiga di bawah projek ATMOP ini. Sebagai salah satu elemen peningkatan keupayaan kapasiti pergerakan pesawat, DCA telah memohon peruntukan di bawah RMKe-10 bagi membina pusat kawalan trafik udara yang baru di KLIA termasuk peralatan kawalan trafik udara yang dianggarkan melalui *value management exercise*, bernilai RM426 juta. Dijangka dengan pusat kawalan trafik udara yang baru ini, yang akan wujud di KLIA akan datang, akan dapat meningkatkan keupayaan kapasiti pengendalian pergerakan pesawat untuk jangka 20 tahun ke hadapan. Terima kasih.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya, saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan yang telah dipilih semula sebagai *International Council Aviation Organisation* pada hari Selasa lepas di Montreal, Kanada. Sesungguhnya ini satu pengiktirafan ke atas

keupayaan kementerian dalam mengupayakan sistem pengangkutan negara. Walau bagaimanapun, di samping penjelasan tadi, ada beberapa perkara yang perlu dilihat oleh kementerian. Ini kerana sebarang penangguhan, sebarang kelewatan, ia akan menjejaskan *itinerary* penumpang, terutama sekali mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan. Alasan-alasan yang dikemukakan lazimnya ialah masalah teknikal. Memanglah kalau masalah teknikal kita tidak boleh membantah kerana kita tidak mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Keselamatan kita terjejas. Tuan Yang di-Pertua, apakah kementerian tidak melihat isu-isu kehidupan sosial krew kabin ataupun *ground staff* MAS yang boleh menjadi punca penangguhan ataupun masalah-masalah yang setiap hari berlaku? Sebagai contoh, *Lion Air*, Indonesia, telah berlaku kemalangan pada tahun ini di mana puncanya ialah krew terlibat dengan dadah. Ini kalau betul, kalau ini ada berlaku, maka ia akan menjejaskan keselamatan penumpang. Memang saya telah mendengar cakap-cakap di luar bahawa *social life cabin crew* ini yang sentiasa buat *clubbing* tengah malam dan *hangover* sebelah pagi. Ini kemungkinan juga menjejaskan perkhidmatan sistem penerbangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, tolonglah kementerian selesaikan masalah ini dan satu lagi banyak berlaku. Sebagai bukti banyak berlaku *hard landing* di mana kapal terbang itu menghentak kuat sehinggakan penumpang yang di belakang saya selalu terdengar, 'lesen kopi 'O' kah? Jadi, minta kementerian memberikan jawapan. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pertama, saya ucap terima kasih atas ucapan tahniah daripada Yang Berhormat Sepanggar atas kejayaan Malaysia menduduki kerusi dalam *International Civil Aviation Organisation Council* yang berpusat di Montreal, Kanada. Ini menunjukkan keyakinan masyarakat dunia kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib selaku Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin selaku pemangku Menteri Pengangkutan.

Masalah mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar, sebenarnya setakat ini tiada laporan mengenai masalah daripada krew pesawat. Cuma kita kena memahami bahawa sejak kebelakangan ini, pergerakan pesawat bertambah dan ini disebabkan

oleh beberapa perkembangan. Seperti pada tahun ini sahaja, enam *airlines* baru yang telah menggunakan atau mendarat di KLIA.

■1110

- (i) *Malindo Air*;
- (ii) *Air France*;
- (iii) *Thai Smile Airways*;
- (iv) *Turkish Airlines*;
- (v) *Zest Airways* daripada Filipina; dan
- (vi) *Philippines Airlines*.

Maknanya, bertambah banyak pesawat-pesawat yang mendarat di KLIA. Untuk makluman sejak sembilan tahun yang lepas, penambahan gerakan pesawat di KLIA meningkat 100%, manakala di Subang meningkat 277%. Ini menunjukkan keyakinan dunia terhadap kepimpinan Barisan Nasional, kepada Kerajaan Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini oleh kerana penambahan pergerakan dan ditambah pula pada ketika *peak hours* di KLIA, waktunya pukul 7 pagi sampai pukul 11 pagi, inilah waktu pesawat berebut hendak terbang keluar daripada KLIA dan ini mewujudkan kesesakan. Untuk pendaratan pula, daripada pukul 12.30 sampai pukul 11 malam. Ini banyak pesawat-pesawat bertumpu untuk mendarat dalam waktu yang sama. Ini yang menjadikan kesesakan kerana kemampuan pergerakan hanya 68 pergerakan setiap jam dan kadang-kadang ianya melebihi daripada 68.

Untuk makluman statistik pada tahun ini, bulan November, permintaan untuk *landing* ataupun pergerakan melebihi jangkauan ataupun melebihi daripada kadarnya iaitu melebihi 1,050 permintaan pergerakan di KLIA. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya adalah satu di antara orang yang *victim* pada tiga minggu dulu bila saya mengambil kapal terbang MAS, di mana tiba-tiba penangguhan lebih dari dua jam. Saya difahamkan alasannya semasa kita dalam kapal terbang, selepas itu diumumkan adalah kerana krew itu *caught in traffic jam*, maka semua lebih daripada 200 penumpang terpaksa tangguh penerbangan hingga dua jam. Kalau kita lambat mengambil kapal terbang, habis kita punya tiket *forfeited* dan sebagainya.

Jadi, apakah yang boleh dibuat *win-win situation* supaya masalah ini di mana kita tidak menjadi *victim* dan juga kapal terbang macam MAS akan mengikut masa yang terjadual, jangan melambatkan perkara itu. Apa yang lebih mustahak Tuan Yang di-Pertua, adalah macam AirAsia. Kalau kita tidak mengambil kapal terbang ataupun MAS pun dia ada *charge, surcharge, airport taxes* dan sebagainya. Saya tidak pernah dengar dia akan kembalikan. Saya difahamkan tiap-tiap tahun lebih kurang RM200 juta diambil oleh kapal terbang MAS dan AirAsia dalam ini *airport taxes* dan sebagainya di mana oleh kerana penumpang tidak menggunakan tiket atau ini, dia lupus atau hapus dan tidak dikembalikan. Apakah usaha kementerian supaya kita tidak perlu tanya kalau kita tidak menggunakan tiket tersebut, bolehkah mengarahkan bahawa ia perlu dikembalikan kepada pembeli tiket tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Mengenai tiket ini adalah urusan komersial dengan pihak *airlines*. Jadi saya boleh dapatkan jawapan bertulis untuk Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Tuan Sim Tze Tzin.

6. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah dasar-dasar kerajaan tentang isu perumahan pekerja-pekerja asing. Bagaimanakah untuk menyelesaikan masalah pekerja asing yang membanjiri kawasan rumah kos rendah, rumah pangsa dan taman-taman perumahan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Bendahara, Melaka dan tetamu kita. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Jangan hanya pandai bertanya, tetapi kurang bekerja. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bayan Baru, terima kasih atas keprihatinan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyediaan rumah perumahan pekerja sama ada untuk pekerja tempatan atau pekerja asing oleh majikan di negara ini adalah atas dasar sukarela dan keprihatinan majikan sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat peraturan khas dalam penyediaan perumahan pekerja dalam sektor perladangan dan perlombongan termasuk

pekerja asing. Sekiranya majikan mengambil keputusan untuk membina perumahan pekerja, majikan hendaklah membina mengikut seperti mana yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Standard-standard Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Akta ini Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai sebanyak enam bahagian dan 34 seksyen. Ianya tidak termasuk Sabah dan Sarawak, juga tidak termasuk Bintulu, bos saya.

Mematuhi semua peraturan di bawah seperti menyediakan bekalan air, bekalan elektrik yang mencukupi dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Standard-standard Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Bagi pekerja-pekerja di sektor lain, tadi saya sebutkan pada sektor perladangan dan perlombongan- dasar kerajaan ialah majikan yang mengambil, yang hendak menyediakan tempat tinggal hendaklah menyediakan tempat tinggal yang sempurna kepada pekerja asing yang hendak diambil, perumahan yang selesa.

Ianya di antara asas kelulusan permohonan *Job Clearing System* (JCS), ini syarat. Berhubung dengan masalah pekerja asing membanjiri rumah kos rendah, rumah pangsa dan taman perumahan, ia dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak diperuntukkan kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pendatang asing. Jadi kita melihat...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ya ya, perumahan ini. Kita melihat bahawa tanggungjawab ini bukan saja terletak kepada Kementerian Sumber Manusia, tetapi ialah tanggungjawab bersama. Isu negara tentang pekerja asing, sebab itulah kita mengharapkan supaya kita bersama-sama mencari jalan bagaimana kita boleh mengurangkan kadar pekerja asing di negara kita. Tanggungjawab ini seperti mana yang hendak saya sebutkan ialah melibatkan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Luar, pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, pemimpin-pemimpin setempat, masyarakat seperti kita pun sama dan juga masyarakat setempat. Sudah tentulah saya kira badan-badan kebajikan di kawasan perumahan-perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu bagi mengurangkan kebanjiran pendatang tanpa izin, Kementerian Sumber Manusia berusaha untuk mengubah sikap para majikan supaya menyambut seruan kerajaan dengan menggaji pekerja asing yang memiliki visa dan permit kerja yang sah dan tidak hanya mementingkan keuntungan dengan menggaji pendatang tanpa izin dengan bayaran gaji yang murah. Inilah kadang-kadang menyebabkan ramai pendatang

tanpa izin datang ke kawasan-kawasan perumahan termasuk perumahan kos rendah dan sebagainya.

Di samping itu, saya menyeru kepada orang awam dan ketua masyarakat untuk memberi kerjasama kepada kerajaan dengan melaporkan banjir pendatang tanpa izin di kawasan perumahan masing-masing kepada Jabatan Imigresen supaya operasi menangkap dan menahan pendatang tanpa izin dapat dijalankan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima jawapan daripada Menteri Sumber Manusia bahawa permintaan sangat tinggi di kalangan sektor-sektor untuk pekerja asing. Jadi kita akan *foresee*, kita *expect* ramai lagi pekerja asing yang akan masuk, berpusu-pusu masuk ke Malaysia. Juga ada laporan bahawa terdapat 1.4 juta Bangladesh, pekerja asing dari Bangladesh akan masuk ke Malaysia.

■1120

Jadi, masalah sekarang adalah tidak ada polisi kerajaan yang jelas bahawa kena sediakan tempat tinggal untuk pekerja-pekerja asing. Itu dibiarkan, mereka dibiarkan begitu sahaja. Masuk, tidak apa, bagi visa masuk. Akan tetapi selepas itu dibiarkan. Jadi, rakyat terpaksa tanggung masalah ini. Mereka berpusu-pusu masuk ke kampung. Sekarang di kawasan Bayan Baru ada Kampung Indonesia, ada Kampung Bangla.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi, bukan sahaja kampung juga kawasan-kawasan perumahan pangsapuri sehingga banglo. Di sewa banglo tinggal 80 orang. Ini masalahnya. Mereka dibiarkan begitu sahaja, tidak ada polisi jelas. Jadi, saya tengok masalah ini perlu ditangani oleh kerajaan dengan serius terutamanya di sektor pembuatan dan sektor servis yang tidak ada kontrol.

Jadi, saya sarankan, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri tubuhkan satu jawatankuasa *taskforce* yang betul-betul yang merangkumi Imigresen, merangkumi KDN, merangkumi KSN dan juga badan-badan yang lain sama-sama duduk dan cari penyelesaian sebab sekarang dibiarkan rakyat tanggung. Kerajaan negeri atau kerajaan tempatan terpaksa *clean up the mess*. Dia terpaksa cari penyelesaian. Jadi, saya minta bolehkah Kerajaan Persekutuan tubuhkan *taskforce*, betul-betul menyelesaikan masalah ini kerana ini terlalu ramai, berjuta-juta orang terlibat. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya sudah jelaskan tadi bahawa andai kata majikan ingin mengambil pekerja asing, menjadi syarat kepada dia mestilah menyediakan perumahan. Ini salah satu syarat yang mana akan kita lihat apabila mereka memohon JCS. Ini satu syarat. Jadi, tidak ada sebab kenapa kita hendak membiarkan. Sebenarnya kita telah ada kesepakatan atau pun jawatankuasa-jawatankuasa khas kementerian-kementerian ini yang menangani masalah pekerja asing ini.

Seperti mana Yang Berhormat sebutkan itu saya sudah jelaskan minggu lepas 1.4 juta Bangladesh ini sebenarnya bukan dia akan datang ke tempat kita tetapi dia bersedia, dia mempunyai 1.4 juta rakyat negara dia yang telah sedia untuk menjadi pekerja di negara kita. Akan tetapi syaratnya ini mesti dipenuhi. Kalau tidak memenuhi syarat yang kita tentukan di mana bagi majikan-majikan yang hendak mengambil pekerja asing ini, mereka mestilah memastikan supaya sektor-sektor yang dibenarkan dan pekerja-pekerja yang hendak ditawarkan mestilah kita sudah tawarkan dahulu kepada pekerja-pekerja tempatan.

Sekiranya betul-betul diperlukan dan memenuhi syarat-syarat ini barulah kita benarkan mereka masuk. Sebab itu saya sahaja ambil soalan pada saya. Jadi, sebab itulah saya menerima pandangan itu dan cuma bagaimana kita mahu memperkemaskan. Sebab itu saya sebutkan awal tadi jangan semata-mata serahkan kepada Kementerian Sumber Manusia, jangan semata-mata serahkan kepada Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain Kementerian Perumahan dan sebagainya.

Akan tetapi, ini tanggungjawab bersama. Apa usaha Yang Berhormat telah buat pada saya cerita pada saya. Berapa kali perjumpaan telah Yang Berhormat buat bersama perumahan-perumahan? Penduduk perumahan mengatakan bahawa cuba atas masalah pendatang asing ini. Berikan keutamaan kepada pekerja kita. Beritahu kepada saya supaya kita boleh bawa dalam perbincangan antara kementerian-kementerian. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau saya katakan sebenarnya di dalam usaha untuk menangani penempatan pekerja-pekerja asing ini, ada di beberapa negeri telah dibuat perbincangan bersama untuk diadakan kawasan khas bagi pekerja-pekerja asing ini ditempatkan tetapi mendapat tentangan daripada pengilang-pengilang kerana kedudukan kawasan tempat tinggal pekerja-pekerja asing itu yang agak tinggi

dan cas yang dikenakan agak tinggi kepada pihak majikan di dalam penyediaan tempat tinggal itu. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih..., Yang Berhormat daripada mana tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat perempuan ini Tuan Yang di-Pertua saya tidak berapa hendak- tetapi tidak mengapa. Saya beri sokongan pada wanita tetapi tak payah pandang lama sangat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ucapkan terima kasih banyak dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Cuma, saya hendak beritahu jangan kita nafikan usaha kerajaan. Saya hendak sebutkan tadi dua sektor perladangan dan perlombongan di mana kerajaan memberikan perhatian dalam penyediaan perumahan ini.

Umpamanya di negara kita, sejumlah bilangan pekerja di ladang saya ambil contohnya. Tempatan 79,043 orang, asing 215,499 orang di seluruh negeri. Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka, Terengganu, saya tidak sebutkan satu persatu. Ini panjang Tuan Yang di-Pertua dan jumlahnya ialah 294,537 orang pekerja tempatan dan juga asing di ladang-ladang. Bagaimana ladang-ladang ini, rasa prihatin mereka menyediakan perumahan untuk pekerja mereka. Sebab itulah pada saya bagi majikan-majikan jangan lupa bahawa keselesaan hidup pekerja-pekerja adalah menyumbang kepada kejayaan syarikat kita. Ini tidak boleh dinafikan.

Umpamanya bilangan ladang dan mempunyai perumahan mengikut negeri. Negeri Sembilan saya bacakan Tuan Yang di-Pertua. Boleh bacakan semua sekali?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak payah lah. Jawapan bertulis sahaja.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Negeri Sembilan hingga Sarawak kita ada bilangan ladang 3023 dan ladang yang ada perumahan ialah 2,688. Jadi, bilangan rumah yang telah dibina di ladang-ladang adalah 40,082 rumah. Maknanya tidak boleh nafikan usaha yang telah dibuat. Akan tetapi, oleh kerana ramainya pendatang asing ini, 2.1 juta maka sudah tentulah usaha harus dibuat bersama oleh kita melalui bersama dengan kementerian dan kerajaan sebelumnya. Terima kasih.

7. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah benar kerajaan akan menggantikan kenderaan kerajaan dari jenis *Proton Perdana* kepada jenis *Honda Accord*. Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak menyokong syarikat Proton sebagai sebuah syarikat kereta nasional.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi kerana prihatin, minat serta sayang kepada Proton.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk menghentikan pengeluaran model Proton Perdana dibuat oleh Syarikat Proton bukannya oleh kerajaan. Pemberhentian pengeluarannya dibuat pada tahun 2010 kerana telah melangkaui tempoh jangka hayat sesebuah model kenderaan baru yang diperkenalkan iaitu antara lima hingga sepuluh tahun serta tidak lagi menepati keperluan cita rasa sekarang.

Namun, Proton telah berusaha membangunkan model kenderaan tersendiri bagi menggantikan Perdana yang sedia ada dengan menjalinkan kerjasama teknikal dengan syarikat pengeluar kenderaan lain untuk berkongsi platform untuk mengeluarkan model gantian bagi Proton Perdana tersebut. Berhubung dengan soalan mengenai penggunaan Proton Perdana sebagai kenderaan kerajaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mesyuarat jemaah Menteri pada 11 September 2013 telah pun bersetuju supaya model Proton Perdana baru yang dibangunkan berdasarkan platform *Honda Accord* dijadikan kereta rasmi kerajaan. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan terus menyokong pembangunan kereta nasional. Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tahniah kepada kerajaan kerana cuba untuk meningkatkan kualiti Proton Perdana dengan kolaborasi bersama dengan Honda. Soalan tambahan saya ialah apakah Proton Perdana baru yang akan dibina ini akan menggunakan bahan-bahan tempatan yang bercirikan produk tempatan supaya vendor-vendor kita dan juga PKS tempatan akan mendapat manfaatnya?

Di samping itu, apakah rancangan kerajaan dan Proton untuk meningkatkan kualiti dengan lebih baik dan juga mengurangkan kos agar dapat bersaing di pasaran tempatan dan juga luar negara? Apakah perancangan Proton di masa hadapan tentang kereta hibrid dan juga *electric vehicle*. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Kalau mengikut program yang diunjurkan oleh pihak Proton khususnya bagi kereta Perdana selama

dua tahun akhirnya akan menggunakan sepenuhnya bahan serta produk tempatan dan dijangkakan bermula pada tahun 2015 menggunakan produk atau pun bahan tempatan.

■1130

Sudah tentu ini akan menjadi satu pemangkin kepada pengeluaran produk Proton bukan sahaja di dalam negara Malaysia tetapi luar negara dan akan juga menepati keperluan semasa termasuk seperti saya sebut tadi dengan mengaplikasikan EV atau *electric vehicle* seperti mana yang disebutkan tadi. Ini bukan sahaja setakat hibrid malahan ada rancangan untuk menggunakan kenderaan berasaskan kepada enjin elektrik dan banyak lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan usul Menteri Kewangan 2013 seperti yang tertera di dalam Aturan Mesyuarat pada hari dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Dua hal Tuan Yang di-Pertua. Satu ialah yang mana ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan berapa?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Peraturan Mesyuarat 20. Tuan Yang di-Pertua, dua hal. Satu adalah apabila Menteri-Menteri mengatakan jawapan bertulis akan diberi, pada sesi yang dahulu, Menteri telah mengatakan jawapan bertulis akan diberi tetapi sehingga sekarang, belum lagi diberikan. Bolehkah satu arahan dibuat dan daripada sekretariat memberi *reminder* kepada mereka untuk menghantar jawapan-jawapan dengan seberapa cepat yang boleh. Itu nombor satu Tuan Yang di-Pertua.

Nombor dua adalah risalah semalam. Ini adalah risalah yang mana dengan *casing* IC yang diberi semalam. Nombor satu saya hendak cakap ramai di antara Ahli Parlimen kata terima kasih. Saya hendak kata tidak terima kasih kerana IC yang diberi itu adalah IC yang tidak benar kepada saya, yang tidak tulen kerana dia mengatakan Tuan Yang di-Pertua, "*Dengan hormatnya saya sukacita dengan ini menghadiahkan replika kad pengenalan plastik berumur 12 tahun*".

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat IC biru pada lebih kurang umur 15 tahun sahaja. Semasa *[Disampuk]* Umur 12 tahun saya mendapat IC merah *[Dewan riuh]* Saya dapat IC merah. Itu yang benar. Itu mustahak Tuan Yang di-Pertua kerana *we cannot change the truth*. Semasa umur 12 tahun, saya mendapat IC merah, saya pohon jasa baik kementerian supaya mendapat IC merah, itu adalah tulen. Dengan *we do not live for the enjoyment and not the truth*. Bolehkah ia satu arahan dibuat mengenai perkara berikut?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertama mengenai jawapan-jawapan yang perlu dihantar, jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Menteri...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Dan kementerian-kementerian yang berkenaan. Sebagaimana arahan Tan Sri Speaker yang lalu, setiap kali kita mengadakan Mesyuarat mestilah disegerakan jawapan tersebut. Saya percaya pihak Menteri dan juga semua kementerian dan pegawai mengambil ingatan ini.

Keduanya, segala risalah yang hendak dikemukakan di dalam Dewan ini mestilah mendapat kebenaran daripada pihak Dewan. Saya ingatkan sekali lagi, kementerian dan juga Menteri dan sesiapa sahaja yang hendak berurusan mengenai segala risalah-risalah hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Setiausaha Dewan untuk kelulusan Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Pihak kementerian berkenaan akan membetulkan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ada satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), hendak minta Dewan ini membincangkan masalah yang timbul di Hospital Umum Sarawak yang mana daripada lima buah *radiotherapy machine*, tiga buah telah rosak dan sekarang, lebih kurang 140 pesakit menunggu hendak dirawat oleh radioterapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya telah terima satu surat daripada Yang di-Pertua bahawa - biarlah saya bacakan apa yang dituliskan. Saya difahamkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, tidak perlu baca sebab saya pun ada menerimanya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang dikatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu baca sebab surat ini daripada kamar Tuan Yang di-Pertua dan ada pada saya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau tahu dan faham, sila duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, jangan berdegil-degil Yang Berhormat Bandar Kuching *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa Tuan Yang di-Pertua telah tertipu oleh kementerian *[Disampuk]* Bolehkah Tuan Yang di-Pertua bukakan *[Merujuk kepada pembesar suara yang dimatikan]* Biarlah saya habiskan apa yang... *[Disampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya tidak benarkan. Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Soal mengenai nyawa pesakit-pesakit kanser *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap, seorang Ahli Yang Berhormat lain mesti duduk, diam. Peraturan mesyuarat Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, sekali lagi- kali terakhir saya ingatkan Yang Berhormat Bandar Kuching sila duduk!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya berdiri di atas peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, arahan saya, sila duduk! Keputusan Pengerusi dan Speaker adalah muktamad.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Silakan Bentara kerana Yang Berhormat Bandar Kuching berdegil-degil [*Disampuk*] Bagi dia rehat. Silakan Bentara.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tertipu oleh... [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya minta Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat sudah tahu bahawa Peraturan Mesyuarat 18(1) ini telah ditolak dalam Kamar Tan Sri Speaker. Jangan berdegil-degil lagi Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya sudah beritahu, sila duduk. Kalau tidak duduk, saya kata sila berehat, keluar dari Dewan.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Betul!

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: ...Biarkan Yang Berhormat untuk habiskan apa yang dia hendak cakapkan berkaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hormat Yang Berhormat Gelang Patah dan kerana saya pun menerima segala jawapan-jawapan yang telah diterima, yang telah disediakan oleh pihak kementerian, makna...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk! Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk. Saya beri peluang Yang Berhormat Bandar Kuching duduk untuk saya jelaskan.

Pihak Tan Sri Speaker telah menerima bahawa suatu usul di bawah 18(1) oleh Yang Berhormat Bandar Kuching dan pihak kementerian juga telah memberikan alasan-alasan kerana segala tindakan-tindakan telah dibuat. Bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah-langkah segera untuk mengambil tindakan membaiki mesin sedia ada serta menambah jumlah mesin yang memadai dan untuk menampung keperluan semasa.

Jadi Yang Berhormat Bandar Kuching menganggap bahawa kementerian telah menipu Dewan, Tan Sri Speaker adalah tidak munasabah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi, sekali lagi...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu panjang-panjang. Peraturan Mesyuarat 18(1) tidak perlu panjang-panjang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bandar Kuching, ini hari terakhir kita bermesyuarat. Jadi saya minta Yang Berhormat Bandar Kuching patuh pada peraturan mesyuarat. Terima kasih.

USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA KASTAM 1967

11.38 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Timbalan Yang di-Pertua *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duduk sudah berapa penggal tidak faham Kerusi itu Kerusi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya sudah ucap terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Walaupun jawatannya Timbalan Yang di-Pertua tetapi dia melaksanakan tugas Tuan Yang di-Pertua. Kena faham. Timbalan Menteri pun tidak faham *[Dewan riuh]* Hormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, sudah didaftarkan ucapan Yang Berhormat Pokok Sena. Sila, Yang Berhormat Menteri.

11.39 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *[Ketawa]* Saya mohon mencadangkan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen 11, subseksyen 2, Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. ST.47, ST.48, ST.49, ST.50, dan ST.51 tahun 2013 disahkan.”

■1140

Pertama Perintah Kastam, duti anti-lambakan sementara 2013 PUA232/2013, bertarikh 19 Julai 2013. Kertas statut bilangan ST.47. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan sementara ke atas *electrolytic tinplates* yang diimport dari Negara Republik China pada kadar di antara 7.4% hingga 16% dan Republik Korea, 3.31% hingga 255.

Duti anti-lambakan sementara ini dikemukakan bagi membolehkan kerajaan menjalankan kajian untuk menentukan sama ada pengimportan *electrolytic tinplates* dari negara-negara terlibat mendatangkan kemudaran material kepada industri tempatan. Duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan berkuat kuasa selama 120 hari mulai 20 Julai 2013 hingga 15 November 2013.

Kedua, perintah kastam duti anti-lambakan (No.2) 2013 PUA146/2013, bertarikh 22 April 2013, Kertas Statut Bilangan ST.48. Perintah ini diwartakan untuk mengenakan duti anti-lambakan muktamad ke atas pengimportan baik *biaxially oriented polypropylene* (BOPP) dari negara *Chinese Taipei*, Thailand, Republik Rakyat China, Indonesia dan Vietnam. Kadar yang dikenakan adalah di antara kadar sifar hingga 12.37%. Pengenaan duti anti-lambakan ini adalah bertujuan untuk melindungi industri tempatan yang terbukti telah menerima kemudaran material akibat kemasukan BOPP dari negara-negara terlibat. Duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan berkuat kuasa selama lima tahun mulai 23 April 2013 hingga 22 April 2018.

Ketiga, perintah kastam duti anti-lambakan 2013, PUA53/2013, bertarikh 19 Februari 2013, kertas statut bilangan ST.49. Perintah ini diwartakan untuk menggunakan duti anti-lambakan muktamad ke atas rod dawai keluli yang diimport dari negara *Chinese Taipei*, Indonesia, Republik Korea dan Republik Rakyat China dengan kadar dikenakan di antara sifar hingga 25.2%. Pengenaan duti anti-lambakan ini bertujuan melindungi industri tempatan yang terbukti telah menerima kemudatan material akibat kemasukan *steel wire rod* daripada negara-negara terlibat. Duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan berkuat kuasa selama lima tahun mulai 20 Februari 2013 hingga 19 Februari 2018.

Keempat, perintah kastam duti anti-lambakan sementara (No.2) 2012, PUA456/2012 bertarikh 21 Disember 2013, kertas statut bilangan ST.50. Perintah ini diwartakan untuk mengenakan duti anti-lambakan sementara ke atas *biaxially oriented polypropylene* (BOPP) yang diimport daripada Negara *Chinese Taipei*, Thailand, Republik Rakyat China, Indonesia dan Vietnam dengan kadar di antara 6.87% hingga 21.43%. Duti anti-lambakan sementara ini dikenakan bagi membolehkan kerajaan menjalankan kajian untuk menentukan sama ada pengimportan BOPP dari negara-negara terlibat mendatangkan kemudatan material kepada industri tempatan. Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan berkuat kuasa selama 120 hari mulai 24 Disember 2012 hingga 22 April 2013.

Kelima, perintah kastam duti anti-lambakan 2011, PUA142/2011 bertarikh 20 April 2011, kertas statut bilangan ST.51. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk mengenakan duti anti-lambakan muktamad ke atas pengimportan *polyethylene terephthalate* (PET) yang diimport daripada Negara Thailand dengan kadar di antara sifar hingga 49.25%. Pengenaan duti anti-lambakan ini bertujuan melindungi industri tempatan yang terbukti telah menerima kemudatan material akibat kemasukan PET dari negara terlibat. Pengenaan duti anti-lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan berkuat kuasa selama lima tahun mulai 21 April 2011 hingga 20 April 2016. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahaskan.

11.45 pg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membentangkan usul-usul apa yang saya ikuti tadi melibatkan sebahagiannya ialah untuk mengenakan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan. Ini bukan pertama kali perkara ini dibentangkan, mungkin pada tiap-tiap kali sama ada belanjawan atau belanjawan tambahan dibentangkan, antara perkara atau usul-usul yang akan dibawa adalah biasanya juga berkaitan dengan duti dan syarat-syarat ataupun keadaan-keadaan atau hasrat anti lambakan sebagaimana yang disebutkan tadi. Item-item yang dikenakan duti telah dibacakan tadi mengikut kertas statut ini dan alasan-alasan juga telah kita dengar iaitu antara yang terpentingnya untuk melindungi industri dan produk-produk dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting kerana ini menunjukkan bahawa negara kita terpaksa dan terus mempertahankan industri-industri tempatan. Oleh sebab itu, saya rasa apabila kita memikirkan untuk meluluskan hal ini, kita tidak boleh tidak memikirkan tentang hasrat negara kita untuk bersama-sama dengan apa yang dipanggil TPPA ini. Iaitu suatu perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara besar terutamanya Amerika Syarikat, yang mana apabila ditandatangani perjanjian TPPA ini, ianya tidak lagi memberikan hak kepada kita untuk melindungi industri-industri kita ini.

Jadi oleh sebab itulah saya rasa kerajaan mesti memikirkan dengan amat mendalam dalam kita memohon kelulusan dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melindungi industri-industri ini. Menggunakan kuasa dan peraturan dan undang-undang yang sedia ada bahawa semua kuasa dan undang-undang yang sedia ada ini mungkin selepas ini, jika TPPA ditandatangani, akan hilang kuasa undang-undang tersebut.

Jadi, di dalam konteks ini saya ingin merayu dan juga bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah pendirian terkini kerajaan berkaitan dengan TPPA ini dan apakah implikasi nanti kepada kuasa melindungi industri negara ini jika kita menandatangani TPPA ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

11.48 pg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tumpat memang menyebutkan perkara yang penting dengan TPPA sebab ini mengenai Duti lambakan

sementara yang melibatkan banyak jenis. Saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada mengambil perhatian kerana duti anti-lambakan sementara, dil levi atas dan dibayar oleh pengimport. Berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dan juga yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang ini ke dalam Malaysia oleh pengeksport dan pengeluar yang dinyatakan dalam ruang ini mengikut kadar yang dinyatakan dalamnya. Ini melibatkan misalnya *electrolytic tinplates* daripada Republik Korea dan juga daripada Republik China.

Walaupun kertas statut ini ada lima yang disebutkan di sini, kita nampak hampir sama sahaja untuk duti anti-lambakan. Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kepada kita, apakah kadar yang dikenakan dan jumlah duti yang terlibat? Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya bagi kita daripada duti-duti ini dan sebagainya, jumlah yang kita kutip itu RM30 bilion ataupun RM32 bilion tahun ini.

■1150

Ini kerana memang dibentangkan di sini untuk di luluskan akan sedikit sebanyak menjejaskan duti kita itu. Juga kita kena berkenaan dengan filem-filem *biaxially oriented polypropylene* (POPP) dengan ketebalan antara 13 hingga 15 micron ini daripada itu *Chinese Taipei*, Thailand dan juga Republik Rakyat China dan Republik Indonesia [Disampuk] Yang Berhormat Kinabatangan, ini hal RM32 bilion. Jangan bising sangat. Itu pun melanggar peraturan. Penting sekali kita hendak tahu duti anti-dumping, anti lambakan ini, kita pun hendak tahu bila Yang Berhormat Kinabatangan akan mematuhi kepada peraturan Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tahu itu Yang Berhormat, dia tahu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, dia tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan tahu, dia pura-pura sebenarnya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Akan tetapi, saya nampak dia itu tiap-tiap kali melanggar peraturan.

Seorang Ahli: Berlambak-lambak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Berlambak-lambak itu termasuk Yang Berhormat Bintulu. Itu lah masalah kita. Dia tahu itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak tahu tapi bahasa Tamil lagi tidak tahu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mengenai rod dawai, keluli dengan kandungan karbon kurang daripada 0.6% ini juga daripada *Chinese Taipei*, Republik Indonesia, Republik Korea dan Republik Rakyat China dan termasuklah Republik Turki, saya pun tidak faham mengapa Turki keluarkan dawai keluli yang diimport oleh Malaysia juga. Ini kali yang pertamalah saya dengar dan juga akhirnya Tuan Yang di-Pertua mengenai BOPP iaitu *biaxially oriented polypropylene film* juga daripada *Chinese Taipei*, Thailand, Republik Rakyat China dan Indonesia dan juga Republik Sosialis Vietnam.

Saya tidak nampak dia keluarkan BOPP daripada Republik Sosialis Vietnam. Itu lah saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab kerana nampaknya Yang Berhormat rajin juga ada meneliti hal-hal seumpama ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, selalunya selepas Yang Berhormat Kepong tidak ada lagi yang berucap di penghujung ini Yang Berhormat [Ketawa] Jadi, sekarang ini Yang Berhormat Kepong bukan *the last one* lagi lah. Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Saya *the last man standing*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana mencadangkan usul ini. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang satu perkembangan baru berkenaan dengan satu polisi di negeri China. Mereka telah dulunya banyak *factories* di China, mereka memproses barangan-barangan *waste* daripada seluruh dunia. Bahan-bahan elektronik, bahan buangan elektronik, bahan buangan plastik, bahan buangan aluminium dan sebagainya di hantar ke negeri China untuk diproses dan dibuat sebagai barang baru.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini awal bulan tahun ini negeri China telah meningkatkan *green funds policy*. Mereka telah meningkatkan *environmental policy* di negara mereka. Jadi, sekarang mereka telah tubuhkan satu *green funds policy* di mana hanya bahan buangan gred A sahaja boleh masuk ke negeri China. Yang lain seperti gred 'B', 'C', 'D', 'E' yang semuanya adalah barang-barang buangan yang tidak ada orang mahu. Ada yang toksik, ada yang mempunyai bahan-bahan yang berbahaya kepada alam sekitar dan juga kesihatan rakyat. Mereka tidak mahu terima lagi.

Jadi, mereka telah keluarkan arahan kepada kastam-kastam mereka meningkatkan pemeriksaan, meningkatkan segala cara untuk membendung semua bahan-bahan itu masuk ke negara China. Sekarang terpaksa, oleh sebab polisi ini maka sekarang pengeksport barang buangan ini telah menukar *target*. *Target* mereka sekarang ialah Malaysia.

Jadi, saya difahamkan daripada pegawai-pegawai kastam dan juga pegawai-pegawai pengimport-pengeksport, tiap hari berpuluh kontena masuk ke pelabuhan Pulau Pinang kerana Pulau Pinang ia *free depot*. Saya tidak tahu berapa peratuslah yang masuk ke Port Klang. Jadi pengimport-pengimport ini, mereka ambil disebabkan oleh pembuangan ini tiada tempat untuk dibuang atau diproses semula. Maka, mereka masuk ke Malaysia. Jemput Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru, bila China membuat polisi demikian, makna China amat prihatin tentang alam sekitarnya. Sebab itu gred yang lain daripada gred yang telah ditentukan dia *reject*.

Adakah Yang Berhormat Bayan Baru merasakan bahawa apabila gred-gred lain ini melimpah masuk ke Malaysia khususnya di Pulau Pinang. Ini akan memberikan masalah baru kepada kita bukan sahaja pencemaran udara tetapi juga pencemaran air yang berlaku di Pulau Pinang secara serius. Apakah Yang Berhormat Bayan Baru mengajak kerajaan melihat ini secara serius. Jangan lihat isu ini sebagai isu kerajaan tempatan saja tetapi isu peringkat persekutuan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Saya hendak bagi *warning* kepada Yang Berhormat Sungai Petani juga sebab dia masuk melalui Pulau Pinang, pelabuhan Pulau Pinang. Akan tetapi bahan-bahan yang berbahaya ini akan dihantar ke Kulim, Sungai Petani mungkin Baling, di mana-mana, di *Northern Malaysia* termasuk Perak juga. Jadi, ini bahan-bahan ini memang berbahaya. Tidak ada orang mahu pun tetapi dia masuk ke Malaysia kerana tidak ada tempat untuk di buang dan di proses semula.

Jadi Malaysia menjadi *dumping ground* kepada bahan-bahan yang berbahaya ini. Sekarang sudah masuk ke Malaysia tetapi kita tidak, dia bukan sahaja di proses betul, dia kata "Oh ini industri, dimasukkan kita proses, kita jadikan satu *recycling and then move up the value*" dan sebagainya. Ini semuanya kata-kata yang cantik tapi hakikatnya *we become the dumping ground*. Hakikatnya dia akan, bahan-bahan kimia ini akan meresap ke tanah, ia akan masuk ke puncak air dan dia akan di minum oleh rakyat Malaysia dan akhirnya kita menjadi *sick man of Asia*.

Jadi ini bukan, dia satu lagi adalah yang paling penting adalah bahan-bahan ini mempunyai radioaktif. Kalau diproses dia akan jadi radioaktif. Kita sudah tahu Lynas, ini contoh

terbaik. Satu industri yang orang tidak mahu daripada Australia *didumpingkan* ke Gebeng, Kuantan. *This is one of the thing* yang kita nampak bahawa polisi kerajaan yang tidak tegas untuk *stopping all these unwanted material* masuk ke Malaysia. Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru, bila kita berjumpa dengan pegawai-pegawai yang terlibat dengan alam sekitar dan juga kastam, jawapan yang lazim diberikan ini ialah masalah *local government*. Ini isunya. Ini ialah masalah *local government* dan dia minta *local government* yang buat pemantauan dan juga dia ambil tindakan. Akan tetapi yang *local government* tidak mempunyai - yang pertama *expertise*.

Keduanya, ialah kalau tidak ada arahan daripada pihak kerajaan khususnya yang *grading* kan yang dianggap sebagai kelas dua, tiga dan empat dan seterusnya yang akhirnya membawa masalah toksik ini, *local government* tidak ada kemampuan untuk buat apa-apa. Jadi ini yang saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru, adakah ini yang harus menjadi benda yang *urgent* yang kerajaan harus mengambil tindakan serta-merta. Terima kasih.

■1200

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan bila Yang Berhormat Bayan Baru sebut apabila diproses menghasilkan bahan radioaktif. Boleh dapat sedikit pencerahan apa dia bahan asal yang diproses dan radioaktif apa yang dikeluarkan? Setahu saya lebih kepada *heavy metal*. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat kerana Yang Berhormat Hulu Langat saintis dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya difahamkan bahawa bahan-bahan yang mereka masuk itu *all kinds of waste* daripada *heavy metal*, daripada *used computer*, bateri, plastik dan sebagainya. Ia akan diproses. *Anyway*, ia akan ada sesuatu yang akan tertinggal yang tidak dapat *recycle*. Benda ini kebanyakannya mempunyai bahan-bahan radioaktif, *low grade* radioaktif dan juga bahan-bahan yang toksik. Itu memang toksik. Dia kena dilupuskan dia mana-mana tempat. Saya rasa ini adalah polisi Kerajaan Pusat. Ia bukan selalunya diberi— Oh! PBT tidak buat kerja atau kerajaan negeri tidak buat kerja. *I think it is wrong* sebab ini adalah polisi Kerajaan Pusat membenarkan kontena-kontena masuk dan membenarkan pengusaha-pengusaha untuk mendapatkan lesen.

Pihak kastam patutnya membuat pemeriksaan. Kastam patutnya cek dan *stop*. Polisi *Anti-Dumping* terletak di tangan Kerajaan Pusat. Jadi *anti-dumping* ini, kita kena

dipertingkatkan, dikuatkuasakan dan ini adalah satu polisi Kerajaan Negara China yang begitu meluas sebab *affecting the Malaysia or around South East Asia*. Malaysia khususnya sebagai satu negara yang *trading country*, ia menjadi negara yang utama untuk menerima bahan-bahan ini.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Bayan Baru, boleh saya celah sedikit?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih ya. Selamat pagi. Apa bezanya pandangan Yang Berhormat Bayan Baru dengan akta baru ini dan juga *Lynas Plant* yang baru di Gebeng, Pahang. Ini pun lain negara tidak mahu seperti kerajaan *Western Australia* tetapi kita terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Saya ingin maklumat daripada Yang Berhormat Menteri sama ada perjalanan perbincangan ini masih dalam landasan yang betul kah? Ia sudah terkeluar Yang Berhormat. Isu-isu yang dibuat itu tidak termasuk dalam...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, ya. Isu pokok Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak, ia tidak termasuk dalam usul. Ini bukan rang undang-undang. Ini usul daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi kita bahaskan tentang isu *dumping, Anti-dumping Taxes. That is why...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini usul ya. Ini bukan rang undang-undang Yang Berhormat. Ini cuma usul daripada Kementerian Kewangan. Cuba tolong jelaskan Yang Berhormat Menteri perkara yang sepatutnya dalam perbincangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita bincangkan ini ialah hal yang spesifik iaitu mengenai *electrolytic tinplate*, BOPP, rod dawai keluli. Itu sahaja yang kita ingin bincangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh fokuskan perkara-perkara itu Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, Yang Berhormat Hulu Langat. Okey, terima kasih kepada Menteri. Saya sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab dan yang cintakan Malaysia. Saya perlu *inform the government of the day* bahawa sesuatu yang tidak kena berlaku dan ada bahan-bahan di sini seperti *polyester, polyethylene* dan sebagainya.

Ini adalah bahan-bahan yang berupa *waste* dan sebagainya. Jadi, saya *inform* kepada kerajaan bahawa ada sesuatu yang tidak kena berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tidak katakan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Saya tidak katakan Yang Berhormat tidak prihatin dan tidak bertanggungjawab. Akan tetapi dalam Parlimen ini kita ada peraturan-peraturan. Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam lingkup usul yang kita bincang itu tidak sepatutnya dibawa kecuali jika kita membincang peringkat dasar umpamanya dan kita boleh membawa banyak isu yang diperlukan untuk dibahaskan. Akan tetapi dalam keadaan yang spesifik ini dan bukan rang undang-undang cuma satu usul daripada Kementerian Kewangan, saya minta Yang Berhormat untuk fokus kepada perkara yang dibincangkan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okeylah, saya terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya, orang baru. Akan tetapi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi saya katakan Yang Berhormat Kepong *is the last man* sepatutnya, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi saya minta kalau boleh Menteri adakan polisi-polisi seperti *green fans* di Malaysia juga untuk tingkatkan supaya *certain unwanted objects, unwanted material* tidak masuk di Malaysia dan juga tidak menjejaskan kesihatan rakyat Malaysia. Malaysia menjadi *dumping ground of the world*. Dahulu orang *dumping* di Afrika dan sebagainya. Sekarang kerana Malaysia sangat dekat dengan negara China. Dahulu orang pun *dumping* kepada negara China. Sekarang Malaysia kerana kita dekat dengan China, maka mereka masuk ke Malaysia. Itu saya minta Menteri jelaskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bolehlah, cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Bayan Baru dengan celahan-celahan daripada Yang Berhormat Sungai Petani, Hulu Langat dan juga Wangsa Maju. Kita ingin memaklumkan bahawa tujuan kita menyatakan perkara ini, Kementerian Kewangan adalah untuk melaksanakan Duti Anti-Lambakan kepada empat barangan yang telah dinyatakan iaitu *electrolytic tinplate*, BOPP, *biaxially oriented polypropylene*, rod dawai keluli dan *polyethylene terephthalate* (PET). Tujuannya adalah untuk

mengatasi masalah lambakan barangan yang diimport dari negara-negara luar yang telah dinamakan negara-negara itu seperti China, Korea, Taiwan, Thailand, Vietnam, Turki, Indonesia untuk membantu syarikat-syarikat tempatan dan mempertingkatkan prestasi dan daya saing syarikat yang terlibat dalam empat pengeluaran ini ialah 11 buah syarikat utama tempatan.

Ketiga ialah untuk mewujudkan persekitaran persaingan perniagaan yang seimbang di peringkat global antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat luar negara. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat apa akan berlaku mengenai TPPA misalnya. TPPA mengenai liberalisasi perdagangan. Ia masih belum dimuktamadkan. Akan tetapi saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Duti Anti-lambakan ini tetap akan diteruskan sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju dengan TPPA, Duti Anti-lambakan diteruskan sama ada kita telah menandatangani FTA dengan negara-negara berkaitan, duti anti lambakan diteruskan.

Ini adalah juga di bawah WTO. Sebagai contoh barangan yang saya sebutkan tadi, Duti Anti-lambakan muktamad *polyethylene terephthalate* (PET) daripada *Thailand*, sebenarnya sudah ada FTA dengan *Thailand* tentang perkara itu. 0% ataupun sifar duti. Namun oleh kerana berlaku lambakan kita kenakan peratusan sehingga 49.25% supaya syarikat-syarikat di *Thailand* itu tidak melambakkan PET di negara kita ini. Itu tujuannya dan itu yang dinyatakan dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sila, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam *schedule* ini ada sebuah syarikat yang telah disenaraikan. Syarikat ini sebenarnya berada di Melaka, syarikat besi yang mengeksport semua bahan-bahan buangan. Sebenarnya apa yang didapati bahan yang dihasilkan daripada eksport barang-barang buangan ini apabila dihasilkan untuk rod keluli, ianya lebih murah daripada bahan yang kita beli dari dalam negeri. walaupun sebenarnya kerajaan menghadkan import untuk barang-barang kegunaan untuk aktiviti-aktiviti besi tetapi kita dapati bahawa kilang ini lebih dapat keuntungan yang lebih tinggi lagi daripada import berbanding dengan apa yang kita beli dalam negara kita.

■1210

Keduanya, apa yang saya nak sebut di sini, suatu ketika dulu negeri China telah dikenakan tarif yang paling tertinggi sekali iaitu sebanyak 70% untuk barangan elektrik dan elektronik. Ini kerana mereka melambakkan barang-barang murah daripada negara mereka di Amerika. Apa yang mereka buat, dia eksport daripada China bukan terus kepada Amerika tetapi melalui Malaysia. Selepas itu Malaysia pula cop sana barangan Malaysia. Jadi, setakat manakah keberkesanan duti import yang didapati daripada Malaysia kerana barangan daripada China, dia menggunakan pelabuhan kita untuk eksport ke Amerika? Terima kasih.

12.11 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali Yang Berhormat? Saya pun nak tahu, apakah selama ini dengan kekurangan akta yang sedia ada, jadi bermakna negara Malaysia ini terbuka dengan ancaman-ancaman lambakan daripada negara seperti Thailand, dengan mengimport barang-barang berkeluli seperti besi dan sebagainya. Apakah pihak kastam kita tidak ada pula mempunyai satu akta yang boleh menghalang lambakan-lambakan yang dimaksudkan ini sehingga kita perlu mengadakan dan mencadangkan satu akta lambakan untuk memastikan bahawa tidak berlaku lambakan-lambakan di negara kita yang boleh mengakibatkan sesuatu perkara?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil pun bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, Bukit Katil silakan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Saya nak tanya ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri. Apakah dengan mengenakan cukai ini, saya difahamkan dan mendapat maklumat bahawa ini adalah antara desakan yang diberikan oleh perusahaan Sadur Timah Malaysia yang meminta supaya dikenakan cukai. Ada kalangan yang memberikan pendapat seolah-olah dengan menggunakan pendekatan ini, ia memberikan satu kuasa monopoli kepada perusahaan ini untuk mengawal supaya tidak ada lagi syarikat-syarikat lain yang mendapat manfaat daripada tindakan ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya ingin menyebut bahawa prosedurnya ialah syarikat di Malaysia hendaklah memberikan suatu memorandum kepada Kementerian

Kewangan dan juga kastam bahawa mereka terkena kemudaratannya terhadap sesuatu barangan import yang dilambakkan ke dalam negara kita. Contohnya, Perusahaan Sadur Timah Malaysia. Seperti mana yang disebut oleh Bukit Katil memang benar, mereka menyatakan kemudaratannya material, berlaku pemotongan harga (*price undercutting*), kemelesetan harga (*price depression*), tahap produktiviti kapasiti rendah, kehilangan keuntungan dan ketidakupayaan menambah modal yang telah berlaku kepada Perusahaan Sadur Timah Malaysia Berhad. Selepas itu diadakan penyelidikan. Bukan senang prosesnya. Ia mengambil proses yang panjang. Kemudian pegawai kita kena pergi ke syarikat di luar negara itu, di China, di Korea yang menghantar dan ada borang-borang dan prosedur tertentu WTO yang perlu dipenuhi. Bukan sembarangan untuk kita mengenakan *anti-dumping duty* ini. Ia tidak boleh berlaku sewenang-wenangnya.

Dimaklumkan juga, syarikat-syarikat yang kita ingin bantu ialah contoh seperti Sam Maguel yang pengeluar plastik di Malaysia, Stanta Film (M), adalah senarai-senarai 11 syarikat utama mengikut barangan-barangan yang telah saya sebutkan empat barangan tadi. Juga dimaklumkan bahawa contoh macam *electrolytic template* itu. Dutinya ialah 10%. Oleh kerana mereka melambakkan barangan itu di negara ini, kita tambah duti 10% campur 7% hingga 16% tambahan. So, barangan itu tidak masuk ke Malaysia sewenang-wenang ya. Kalau daripada negara Republik Korea, 10% campur 3% hingga 25% tambahan supaya tempat kita, negara kita ini tidak menjadi *dumping place* terhadap produk-produk yang mereka hantar ke negara kita ini.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya juga ingin memaklumkan...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh mencelah?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Silakan.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, pertama saya ingin- Saya memang fahamlah dari segi hasrat kerajaan, untuk kita menjaga syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan produk-produk ini untuk kita majukan dalam negara. Akan tetapi pernah kah kementerian melihat, kebanyakan daripada syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan, contoh rod dawai keluli di dalam negara. Mereka ini tak ramai, tak banyak. Akan tetapi pengguna rod keluli ini adalah terdiri daripada syarikat-syarikat kecil dan sederhana dan

juga syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk untuk *infrastructure, for example like cable* dan sebagainya.

Jadi, apabila kita menghalang syarikat-syarikat yang lebih kompetitif untuk hantar *raw material* ini kepada dalam negara, jadi adakah kementerian mempunyai jangka masa yang tertentu untuk memberi had *limit* masa supaya syarikat-syarikat yang ada dalam negara kita ini tidak hanya bergantung dengan akta *anti-dumping* ini. Ini kerana ia akan menyebabkan dalam jangka masa panjang, produk-produk yang dikeluarkan oleh KPS ini akan menyebabkan juga harga mereka tidak kompetitif untuk dia keluarkan *end product* tersebut.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Titiwangsa. Sebagai contoh, syarikat pengeluar utama tentang *steel wire rod* (SWR) di Malaysia yang menyatakan bahawa mereka mendapat kemudahan material, *dumping* daripada China, Korea, Turki, Indonesia - Amsteel (M) Sdn Bhd., Ann Jo Steel Berhad, Perfect Channel Sdn. Bhd., Kinsteel Berhad, Southern Steel Berhad. Kita telah mengenakan duti import terhadap *rod steel* ini sebanyak 5%. Akan tetapi untuk kita memberhentikan *anti-dumping*. Kita kenakan tambahan-tambahan daripada 1 sehingga 25% daripada negara-negara yang berkaitan dalam masa lima tahun.

Kita menyedari bahawa bukan berlaku satu usaha untuk memonopoli perniagaan-perniagaan berkaitan oleh syarikat-syarikat dalam negara Malaysia tetapi ia ada kemudahan material yang banyak. Peningkatan jumlah import, penurunan dalam syer pasaran tempatan, pengurangan jumlah jualan, pemotongan harga, kemelesetan harga, penyekatan harga, tahap pengeluaran kapasiti yang rendah, kehilangan keuntungan, tahap produktiviti yang rendah yang telah berlaku terhadap syarikat-syarikat tempatan yang saya sebutkan tadi. Jadi, itu sebenarnya tujuannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kuala Kedah bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita ingin memastikan perkara itu tidak berlaku. Oleh kerana itu, maka kita melaksanakan perkara ini untuk kebaikan negara misalnya. Tujuan utama ialah untuk kebaikan negara, bukan untuk kebaikan syarikat-syarikat itu sahaja tetapi untuk kebaikan negara. Sila.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perlu penjelasan sedikit kerana saya tidak ada *background* ekonomi. Pertamanya ialah apakah kesannya kepada syarikat kita yang mengeksport barang-

barang yang sama ke luar negara apabila kita mengenakan akta begini, *regulation* dan sekatan begini. Itu pertama.

Kedua, tidakkah ini akan menyebabkan syarikat kita hilang daya saing kerana akan jadi *complacent* bila ada saingan dan harga turun dan dia boleh minta *protection* yang begini.

Ketiga, ini penjelasan asas ekonomi. Di manakah *the fine line*, dengan izin, antara *protectionism* dan juga *dumping* ini yang masuk dan kita cuba buat *regulation*. Akan tetapi bukannya ini satu langkah yang *retrograde*kan lagi *protectionism*. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Jasin?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Menteri. Saya ada sebut tadi tentang *steel wire rod*. Apa yang dibuat oleh syarikat ini, mereka mengimport barangan-barangan terbuang daripada luar negara ke dalam negara dan mereka dikenakan kuota. Akan tetapi apa yang saya nak sebut di sin, pengeluaran mereka ini daripada barang yang diimport lebih bermutu dan juga lebih murah daripada barangan besi yang dibuat dalam negara. Apa jadi sekarang, harga besi sebenarnya menjadi penyumbang utama dalam semua pembangunan.

■1220

Apabila harga besi mahal, harga bangunan pun meningkat. Kalau kita benarkan mereka, beri mereka kuota kerana mereka terpaksa mendapatkan AP untuk import apa juga barangan besi. Akan tetapi kalau kita kenakan begini, maka pemaju-pemaju akan menghadapi masalah. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya kita memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin itu dan begitu juga tentang Kuala Kedah. Saya ingin merumuskan beginilah. Ada 16 produk sejak tahun 1995 yang telah kita berikan *anti dumping* dan kita telah laksanakan pemeriksaan *investigation* dan terhadap 16 produk itu akhirnya mereka memperoleh keutamaan daripada 16 produk. Namun terdapat juga anti dumping terhadap Malaysia. Bukan hanya kita sahaja mengenakan terhadap import yang dibawa masuk tetapi barangan yang kita bawa masuk ke negara lain pun, undang-undang yang sama dengan duti yang tertentu juga dikenakan kepada kita.

Contohnya apabila kita menghantar barangan *hot raw coil* (HRC) ke Indonesia, berlaku *anti dumping* terhadap Malaysia. *Plywood* berlaku *anti dumping* dalam negara Korea. *Medium fiber board* berlaku *anti dumping* daripada negara India dan undang, Amerika Syarikat tidak jadi mengenakan *anti dumping duty* terhadap Malaysia setelah penyiasatan dibuat.

Saya inginkan maklumkan di sini bahawa segala duti anti lambakan ini hendaklah dilakukan oleh kedua-dua pihak, kedua-dua buah negara yang terlibat setelah terbukti bahawa benar berlaku perkara yang berkaitan barulah diwujudkan duti anti lambakan.

Jadi itulah Yang Berhormat Kepong, saya ingin memaklumkan bahawa anti lambakan sementara ada dua produk. Anti lambakan muktamad ada tiga produk yang dibentangkan pada pagi ini. Daripada jumlah hasil kastam RM30 ke RM34 bilion pada tahun ini yang kita peroleh daripada tindakan duti anti lambakan sekarang ini kepada lima produk perolehan kastam berjumlah RM749,870.13. Kepada duti anti lambakan sementara, dua barangan itu *electrolytic template* dan BOPP.

Jika setelah pemeriksaan dilakukan, tidak ada berlaku *dumping* dalam negara kita maka kita akan memulangkan duti yang telah dikenakan kepada syarikat luar negara itu. Kita kena *refund* balik. Jadi kita ada mengikuti prosedur WTO yang ketat untuk mengenakan tindakan duti anti lambakan ini. Bukan sewenang-wenang dilakukan terhadap syarikat-syarikat luar negara apabila membawa masuk barangan ke dalam negara kita, begitu juga tidak sewenang-wenang oleh syarikat-syarikat dan negara-negara luar untuk mengenakan duti anti lambakan kepada syarikat-syarikat dalam negara kita. Itulah yang ingin saya sampaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 13 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan ST.47, ST.48, ST.49, ST.50 dan ST.51 tahun 2013 disahkan hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

12.22 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membacakan usul, saya bagi pihak Yang di-Pertua Dewan ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan majlis mesyuarat yang berlangsung selama lapan hari mulai daripada 23 September hingga 3 Oktober 2013 dapat kita sempurnakan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen, wakil media massa, juga pihak yang turut terlibat dalam pengambilan urusan majlis mesyuarat sepanjang tempoh Dewan ini bersidang. Akhir kata saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidil Adha yang akan tiba, selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Saya seterusnya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri untuk membawakan usul Peraturan Mesyuarat 16(3).

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua, dengan memohon maaf di atas keterlaluan cara dan kekasaran bahasa. Semoga Allah merahmati kita semua. Selamat Hari Raya Aidil Adha, selamat Hari Raya Korban. Jangan lupa *channel* nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Sebelum menyokong, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat. Saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Peningkatan Taraf Penyelenggaraan Kemudahan Awam di Bandar Muar
12.26 tgh.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri ucapan penangguhan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bakri, boleh tanya?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Meningkatkan taraf penyelenggaraan kemudahan awam di Bandar Muar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, balik secara senyap-senyap dan supaya tidak mengganggu Yang Berhormat Bakri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Teruskan Yang Berhormat. Sudah habis pegawai daerah sahaja, *haiiya!*

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Bandar Muar telah dimasukkan sebagai Bandar Diraja Negeri Johor, oleh Sultan Ibrahim Ismail Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, Sultan Negeri Johor Darul Takzim secara rasminya pada 24 November 2012. Sesuai dengan taraf Bandar Diraja, seharusnya kemudahan-kemudahan awam di naik taraf atau diberikan perhatian sewajarnya berhubung dengan penyelenggaraannya. Kemudahan-kemudahan awam di kawasan tumpuan orang ramai seperti di kawasan sekitar Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang kelihatan seperti tidak diberikan tumpuan penyelenggaraan hingga beberapa bangunan dilihat terbiar begitu sahaja.

Kawasan tebing sungai di Tanjung Emas yang kerap runtuh bukan sahaja membahayakan nyawa pengunjung Tanjung Emas malahan ia turut mencatatkan kemurahan barang pejalan kaki di sepanjang tebing Sungai Muar. Bangunan Marina yang lengkap dengan jeti kapal layar dibina dengan harga jutaan ringgit kini hanya menjadi kawasan untuk memancing. Adakah kita mengeluarkan perbelanjaan jutaan ringgit hanya untuk melihat menjadi projek gajah putih dan menyimpan jauh dari tujuan asas pembinaannya. Sementara kawasan legasi Ketapang kelihatan suram terutamanya di waktu malam ekoran daripada keluarnya lampu-lampu jalan di kawasan tersebut.

Rumah rehat juga telah terbiar begitu lama, gelanggang tenis yang tidak dijaga dengan baik serta kolam renang yang terbiar menambahkan lagi kesuraman kawasan ini. Apakah perancangan kementerian dalam mewajarkan Bandar Muar sebagai bandar Diraja dan memastikan penyelenggaraan kemudahan awam di bandar ini. Adakah pihak kementerian bersedia menjalankan kerjasama dengan NGO-NGO, persatuan-persatuan atau pihak-pihak berminat untuk menguruskan kawasan tersebut?

■1230

Adakah terdapat insentif-insentif atau kelonggaran syarat apabila ada pihak swasta ingin mengambil alih memajukan kawasan tersebut. Di Bandar Muar juga terdapat tiga bulatan di jalan raya yang dihiasi indah. Adakah penyelenggaraan dan kos terlibat di bawah bidang kuasa

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Berapakah kos yang terlibat dalam mengindahkan bulatan-bulatan berkenaan, dan siapakah yang mendapat tender penyelenggaraan bulatan tersebut?

Adalah diharapkan agar penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam di Bandar Muar dapat diberikan perhatian sewajarnya dan dipertingkatkan sesuai dengan statusnya sebagai Bandar Diraja agar penduduk tempatan dan juga pelancong-pelancong yang menziarahi bandar ini dapat menikmati kemudahan awam yang selesa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

12.31 tgh.

Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri di atas perkara yang telah dibangkitkan semasa ucapan penangguhan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah menyiapkan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Muar 2002-2015 dan telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Johor pada 3 Januari 2008.

Rancangan Tempatan ini digunakan sebagai panduan bagi perancangan guna tanah dan pemajuan oleh pihak berkuasa merancang di Daerah Muar. RTD Muar ataupun Rancangan Tempatan Daerah Muar 2002-2015 telah menggariskan langkah-langkah untuk menjadikan Daerah Muar sebagai kawasan tumpuan utama pelancongan iaitu sungai, gunung dan sumber jaya warisan. Sektor perindustrian dan pertanian sebagai penggerak kepada ekonomi yang lebih mantap dengan perancangan bersepadu dari segi fizikal, ekonomi dan sosial bagi menghasilkan kesan yang positif kepada penduduk dan pembangunan daerah yang mapan.

RTD Muar 2002-2015 juga telah mencadangkan di bawah Agensi Pelaksanaannya iaitu Majlis Perbandaran Muar (MPM) agar Taman Tanjung Emas dan Taman Tanjung Ketapang diintegrasikan sebagai kawasan rekreasi bertaraf taman bandaran iaitu *Maharani Town Park*, dengan izin. Manakala kawasan Sabok Awor iaitu zon pembangunan baru sebagai taman tempatan.

Di samping itu, kajian RTD Muar 2002-2015 yang disediakan turut mengambil kira keperluan menaik taraf kemudahan awam sedia ada sehingga 2015. Dari aspek penyelenggaraan, kemudahan-kemudahan awam di kawasan bandar Muar adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Muar. Pihak Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Muar perlu membuat perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sendiri atau menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Majlis Perbandaran Muar telah memulakan kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam di sekitar Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang secara berperingkat mulai Jun 2013 yang lalu. Antaranya mengecat bangunan gerai Tanjung Emas, alat permainan kanak-kanak, wakaf-wakaf dan besi pengadang jalan, serta menaik taraf jalan-jalan yang berlubang di Tanjung Ketapang.

Pihak MPM juga telah membersihkan kawasan sekitar gelanggang tenis dan kolam renang di Tanjung Ketapang. Di samping itu, pihak MPM telah menambah pencahayaan di sekitar Tanjung Emas dan Tanjung Ketapang dengan memasang lampu-lampu *high mask*, dengan izin. Sebagai contoh lampu-lampu ini dipasang di kawasan permainan kanak-kanak, tempat meletak kenderaan dan sebagainya. Dalam aspek perancangan pembangunan bandar Muar terdapat cadangan kerajaan negeri untuk menjadikan Bandar Muar sebagai Bandar Diraja di mana rancangan tersebut akan diterjemahkan dalam penyediaan kajian rancangan khas Bandar Maharani.

Kerajaan Negeri Johor juga telah meluluskan peruntukan untuk melaksanakan kajian rancangan kawasan khas (RKK) Bandar Maharani. Kajian tersebut akan disediakan oleh Majlis Perbandaran Muar di bawah seliaan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor. Kajian RKK Bandar Maharani akan bermula pada Januari 2014 yang akan mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan kerja-kerja menaik taraf tiga bulatan di Muar seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bakri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bulatan di Jalan Sulaiman telah dinaiktarafkan pada tahun 2012 oleh Jabatan kerja Raya melalui peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM2 juta bersempena dengan hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Sultan Johor di Muar dan majlis perisytiharan Bandar Diraja Muar.

Antara komponen projek tersebut ialah pembinaan replika mahkota, landskap kejur, landskap lembut dan pencahayaan dan kontraktor yang melaksanakan projek ini ialah Warisan Atira Sdn. Bhd. Manakala kerja-kerja menaik taraf landskap bagi bulatan di Jalan Abdul Rahman dan Jalan Bakri dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Muar sendiri dengan kos sebanyak RM88,000 dan RM92,000 secara berperingkat. Kontraktor yang dilantik untuk kerja-kerja menaik taraf ini adalah Arena Maya Enterprise untuk Jalan Abdul Rahman dan NL Sinar Enterprise untuk Jalan Bakri.

Kerja-kerja penyelenggaraan bagi landskap di kedua-dua bulatan ini akan dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan bagi tempoh enam bulan dengan kos RM2,000 sebulan sebelum diserahkan kepada Majlis Perbandaran Muar. Projek pengindahan landskap bagi bulatan Jalan Abdul Rahman dan Jalan Bakri dilaksanakan bertujuan untuk memberi imej baru Bandar Maharani Bandar Diraja. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersedia untuk memberikan bantuan dan juga khidmat nasihat yang diperlukan oleh Majlis Perbandaran Muar dalam menjadikan Muar sebagai Bandar Diraja yang sejahtera, mapan dan berdaya maju. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Pendekatan Menangani Masalah Perumahan

12.37 tgh.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan penggulung kali ini untuk menyentuh satu daripada komponen penting aspek kualiti hidup yang semakin menjadi perbualan ramai iaitu perumahan. Ini penting kerana rumah adalah keperluan asas dan kita sering kali mendengar slogan Rumahku Syurgaku tetapi persoalannya apakah realiti sebenar di luar sana.

Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Negara yang diterbitkan pada akhir tahun lalu dalam tempoh antara tahun 2008 hingga tahun 2012 jumlah penduduk meningkat dari sekitar 27.6 juta kepada 29.3 juta orang iaitu hampir dua juta orang atau hampir 500,000 orang setiap tahun. Ini turut meningkatkan kepadatan daripada 83 orang sekilometer persegi kepada 89 orang per kilometer persegi.

Meskipun secara relatifnya jumlah kepadatan penduduk per kilometer persegi masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran serantau penduduk masih bertumpu di kawasan Lembah Klang di mana 5.46 juta penduduk berada di Selangor 1.7 juta lagi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan jumlah lebih kecil penduduk tinggal di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dalam congakan mudah, lebih 1/5 pendudukan bertumpu di Lembah Klang. Tidak dapat dipastikan sama ada angka-angka ini mengambil kira bilangan mahasiswa dan mahasiswi dari seluruh negara kampus-kampus.

Secara perbandingannya jumlah 89 orang per kilometer persegi itu mungkin tidak begitu tepat jika kita mengambil Lembah Klang sahaja sebagai kawasan untuk pertimbangan. Dengan kepadatan penduduk yang tinggi di Lembah Klang kesesakan berlaku. Harga rumah yang tinggi sehinggakan ramai hanya mampu mendapatkan rumah yang sempit dan itu juga tidak murah. Sebanyak $\frac{1}{4}$ daripada keluarga di ibu kota tergolong dalam kategori keluarga *sandwich* dan ia berkembang kepada banyak masalah yang lain. Suka ataupun tidak masalah ini bukan sahaja terhad kepada Lembah Klang tetapi ia juga mempunyai kesan sampingan kepada pembangunan seimbang di seluruh negara. Kurangnya pelaburan ke negeri lain kerana kurangnya pasaran akibat penduduk hanya bertumpu ke kawasan bandar. Kurangnya aliran perbelanjaan pembangunan kerajaan teragih dengan lebih banyak ke kawasan-kawasan yang ketinggalan kerana peruntukan banyak ditumpukan di Lembah Klang. Tambahan pula pembuat keputusan memang tinggal di sini. Pergantungan besar negeri-negeri kepada dana persekutuan dan penghijrahan penduduk.

Saya ingin mengingatkan bahawa permasalahan ini mungkin dilihat kecil buat masa ini, akan tetapi ianya akan berkembang bila masalah besar di masa akan datang. Justeru saya menggesa pihak kerajaan memikirkan pendekatan terbalik dengan izin, *it was approached* di mana kuasa pasaran diagihkan ke pelbagai negeri.

■1240

Diharapkan ini dapat mengendurkan permintaan tinggi terhadap perumahan yang akhirnya menjadi bahan spekulasi golongan mampu dan menjadi hukuman kepada golongan yang kurang mampu. Sudah tiba masanya peruntukan persekutuan ke negeri-negeri dinilai semula dengan masukkan pertimbangan jurang pembangunan di setiap negeri. Pastikan rakyat mendapat rumah yang selesa dan selamat untuk menetap, pastikan projek perumahan akhirnya memanfaatkan rakyat. Bukan dimiliki oleh orang yang mampu dan kemudiannya disewakan kepada yang sangat memerlukan. Akhirnya pembangunan sebenar jangan hanya tersangkut

pada petunjuk Keluaran Dalam Negara Kasar sedangkan realiti yang sebenar berat mata memandang berat lagi bahu yang memikulnya. Sekian terima kasih.

12.40 tgh.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil di atas perkara-perkara yang dibangkit semasa ucapan penangguhan beliau. Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan isu mengenai kawasan tumpuan penduduk.

Untuk makluman, seiring dengan perkembangan pembangunan negara, kepadatan penduduk bandar meningkat kepada 71% pada tahun 2010 berbanding 62% pada tahun 2000. Selain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan paras urbanisasi 100%. Negeri lain yang mencatatkan paras urbanisasi yang tinggi adalah Selangor dan Pulau Pinang, masing-masing 91.4% dan 90.8%. Sebaliknya, negeri yang mencatatkan paras urbanisasi yang rendah ialah Kelantan sebanyak 42.4%, Pahang sebanyak 50.5% dan Perlis sebanyak 51.4%.

Dalam konteks perancangan pembangunan, tidak ada saiz tertentu yang boleh dikatakan ideal bagi sesuatu populasi penduduk. Ianya bergantung kepada keadaan sosioekonomi, penawaran, permintaan dan juga kemampuan sesebuah bandar dalam memberikan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengimbangi kepadatan penduduk kerajaan telah mewujudkan pelbagai program pembangunan dan koridor pembangunan di semua kawasan untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang supaya penduduk tidak tertumpu di sesuatu kawasan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan sesuatu kawasan mencapai tahap kemapanan dan kesejahteraan, pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) perlu bijak dan memastikan keutamaan kelulusan pembangunan perumahan iaitu kebenaran merancang. Diberikan kepada tapak-tapak yang telah dizonkan sebagai perumahan di dalam rancangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas untuk semua golongan rakyat seperti mana yang dinyatakan di dalam Perkara 25. Hak untuk suatu taraf hidup yang memadai bagi

kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan dalam peruntukan Hak Asasi Manusia Universal, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDHR). Kerajaan juga telah mengambil tindakan untuk meningkatkan kemampuan pemilikan rumah melalui penyediaan lebih banyak lagi rumah yang berkualiti dan mampu dimiliki di pasaran melalui program-program berikut:

- (i) Program Perumahan Rakyat;
- (ii) Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA);
- (iii) Rumah Mampu Milik 1Malaysia (SPNB); dan
- (iv) Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi tumpuan dalam memperkukuhkan usaha-usaha menyediakan perumahan yang berkualiti serta menepati standard melalui penglibatan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan profesional berkaitan seperti yang telah digariskan di dalam Dasar Perumahan Negara.

Buat masa kini, semua pembinaan Rumah Kos Rendah (RKR) adalah tertakluk kepada standard seperti yang terkandung dalam *construction industry standard* (CIS) yang dikeluarkan oleh CIDB. Kemudahan-kemudahan masyarakat yang meliputi kemudahan kesihatan, pendidikan, keselamatan, dewan orang ramai, perpustakaan awam dan kebajikan perlu disediakan secukupnya dengan keluasan tertentu berpandukan kepada piawaian tadahan penduduk sesebuah kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, Dasar Perumahan Negara telah menggariskan dasar berkaitan peruntukan rumah kos rendah iaitu kerajaan negeri diberi *flexibility* dalam penentuan kuota rumah kos rendah yang perlu dibina dalam projek pemajuan bercampur mengikut kesesuaian lokasi dan permintaan. Bagi tujuan pengawalan perancangan, sejumlah unit rumah kos rendah berdasarkan penetapan dasar dan kuota rumah kos rendah yang ditetapkan oleh setiap pihak berkuasa negeri. Rumah kos rendah perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai khususnya di kawasan berhampiran stesen transit dan kawasan yang mempunyai akses rangkaian pengangkutan awam dan prasarana asas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan hanya menumpukan pembangunan di kawasan-kawasan tertentu sahaja, adalah tidak berasas. Kerajaan dari semasa ke semasa akan melaksanakan projek-projek pembangunan di seluruh negara bergantung kepada peruntukan yang diperolehi pada tahun semasa. Contohnya,

kementerian saya saban tahun juga menyalurkan peruntukan kepada pihak berkuasa tempatan di seluruh negara tanpa mengira negeri, antaranya:

- (i) bantuan pembangunan projek baru;
- (ii) sumbangan membantu kadar;
- (iii) pemberian geran tahunan;
- (iv) 50% bil elektrik untuk lampu jalan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini telah membelanjakan lebih RM6 bilion untuk melaksanakan dan menjayakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara semenjak tahun 1998.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar rumah di bawah Program Perumahan Rakyat ataupun PPR diberi milik kepada orang yang mampu dan kemudiannya disewakan. Untuk makluman, rumah-rumah PPR ini dibina khusus oleh kerajaan kepada golongan-golongan setinggan dan juga pemohon yang memohon menerusi sistem pendaftaran terbuka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 12.46 tengah hari]